

Bil. 86



Hari Jumaat  
15hb November, 1991

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 14015]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18:**

Pembunuhan Penunjuk-penunjuk Perasaan Aman—Y.B. Dr Kua Kia  
Soong (Petaling Jaya) [Ruangan 14064]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1992 [Ruangan 14066]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1992 [Ruangan 14066]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, P.K.I., D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permalang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T.(Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' UM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P.(Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S.I, D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknoplgi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng),
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ MENTERI LUAR NEGERI, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan),
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD, GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., s.M.s. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pcmangunan Kopcrasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Makah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHINFAHKUL, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, p.i.s. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gclugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAYID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHATALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

Yang Berhormat DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AHKIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Beraam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, p.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilain Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIH (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITJANGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P.,P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (BAGAN SERAI).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD, JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha; Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd, Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd, Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT****Jumaat, 15hb November, 1991***Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang***DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****SIARAN TV 24 JAM**

**1. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada siaran TV akan diadakan selama 24 jam sebagaimana siaran radio sekarang ini untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang tidak berkesempatan mengikuti atau menikmati siaran TV pada waktu biasa sekarang ini dan juga untuk kemudahan Kerajaan menyampaikan maklumat-maklumat penting yang perlu disebarkan kepada rakyat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan menyedari tanggungjawabnya sebagai penyampai maklumat yang utama kepada rakyat, namun pada masa ini Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan siaran televisyen selama 24 jam sehari.

Mengikut kajian Kementerian, penontonan televisyen mempunyai tahap yang optima, penontonan pada masa-masa tertentu adalah pada tahap yang sangat rendah untuk memberi justifikasi bagi penyiarannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga sedang merancang pada tahun hadapan untuk melaksanakan satu perkhidmatan baru iaitu dikenali sebagai 'Subscribed News Service' (SNS) atau dalam Bahasa Malaysia 'Perkhidmatan Berita Berlanggan'. Perkhidmatan ini akan membolehkan penyiaran lebih banyak maklumat-maklumat seria berita-berita terkini dari luar negara.

Dengan tambahan perkhidmatan di atas, berserta dengan penyiaran harian televisyen sebanyak purata 73 jam seminggu bagi TV1, 61 jam seminggu bagi TV2, 78 jam seminggu bagi TV3 dan dengan 6 rangkaian radio yang masa siarannya sebanyak purata 108 jam rangkaian sehari atau purata 15 jam setiap rangkaian sehari berserta dengan penyebaran berita melalui berbagai media cetak, Kementerian Penerangan merasakan jumlah masa penyiarannya sekarang mencukupi untuk mewujudkan sistem komunikasi yang berkesan di negara kita.

**JALAN PEKAN PANGKOR  
KE TELOK DALAM**

**2. Datin Ling Chooi Sieng** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalan daripada Pekan Pangkor ke Telok Dalam semenjak dibina tidak pernah dibaiki dan sekarang berlubang-lubang besar. Jika ya, bilakah Kementerian bercadang menjalankan kerja-kerja pembaikan tersebut.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan daripada Pekan Pangkor ke Telok Dalam di Pulau Pangkor adalah Jalan Negeri dan diselenggarakan oleh JKR Negeri Perak. Kerosakan sering berlaku di jalan tersebut oleh kerana jalan ini dibina menyeberangi kawasan berbukit dan selalu ditimpa hujan lebat yang menyebabkan masalah pengaliran air.

Bagi mengatasi masalah tersebut, tindakan telahpun diambil untuk menutup lubang jalan, mencuci pemetung-pemetung yang tersumbat dan menggali semula lubang tanah di tepi jalan. Kerja-kerja penyelenggaraan ini telahpun dilaksanakan mengikut jadual.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa jalan tersebut adalah jalan tunggal yang digunakan oleh penduduk-penduduk dari Telok Dalam ke Pekan Pangkor. Oleh yang demikian ia digunakan oleh penduduk-penduduk kedua-dua dari Pekan Pangkor dan Telok Dalam.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sebenarnya jalan itu sangat sempit dan hanya boleh digunakan oleh sebuah kereta sahaja dan tidak begitu besar seperti jalan-jalan raya. Bolehkah Kementerian Yang Berhormat memberi peruntukan khas untuk membesarkan jalan tersebut? Terima kasih.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar berkenaan dengan jalan yang tersebut tadi. Oleh kerana itu peruntukan sebanyak \$2.5 juta telah diluluskan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf jalan ini dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Bagi tahun 1992 peruntukan sebanyak \$500,000 telah dipohon. Untuk membolehkan kerja-kerja pembinaan dimulakan jalan ini perlu

dijadikan Jalan Persekutuan. Proses untuk menjadikan jalan berkenaan sebagai Jalan Persekutuan sedang diambil oleh Cawangan Jalan JKR Persekutuan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana orang awam ataupun penduduk-penduduk persekitarannya dapat tahu sama ada jalan-jalan yang di hadapan rumahnya atau di belakang rumahnya adalah di bawah jagaan Majlis Bandaran, di bawah jagaan Majlis Daerah atau JKR Negeri ataupun tanggungjawab Kerajaan Pusat? Saya minta satu penjelasan yang lebih teliti terhadap perkara itu.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau jalan itu dikendalikan oleh Majlis Bandaran, itupun di bawah Kerajaan Negeri. Jadi, memandangkan kepada potensi Pulau Pangkor sebagai pusat pelancongan, itulah sebabnya Kerajaan Persekutuan telahpun meluluskan peruntukan tersebut.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia sudah jawab Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya tanya sama ada jalan-jalan itu di bawah jagaan daerahkah, Majlis Bandarakah atau Negerikah ataupun Pusat? Apakah garis panduannya?

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta tolong Yang Berhormat duduklah. Api di sini sudah bernyala.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada tambahhakah?

**Tuan Lau Dak Kee:** Tidak ada jawablah. (*Ketawa*)

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Saya minta soalan itu dikemukakan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tidak payahlah!

**Tuan Lau Dak Kee:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lupar, sebentar ya.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar ya, Ipoh mengulangi soalnya.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Apa ini, Ipoh mahu cakap banyak sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, duduk ya.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya minta Timbalan Menteri menyatakan apakah garis panduan untuk menentukan sama ada jalan itu di bawah jagaan daerahkah, Majlis Bandarankah ataupun JKRRkah ataupun Kerajaan Pusatkah. Macam mana kita boleh dapat wang awam, itu mudah dilahami.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang saya ketahui selama ini sebagai pegawai Kerajaan dan sekarang saya berada di dalam Kementerian Kerja Raya, jalan-jalan di negeri kita di Malaysia ini yang saya tahu memang cadangannya datang dari Kerajaan Negeri. Apabila cadangan Kerajaan Negeri tidak dapat

melaksanakan satu-satu jalan, maka negeri itu akan meminta bantuan dari Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat akan menimbang adakah jalan ini jalan Persekutuan ataupun masih kekal jalan Negeri. Jadi, ini terpulang kepada negeri masing-masing bagi memikirkannya dengan Kerajaan Pusat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ini tidak macam soalan dari Ipoh tadi, hendak buat mark tiap-tiap jalan. Soalan ini lain. Soalan saya ialah begini, sebagaimana yang kita sedar jalan raya ini dibuat oleh Negeri, Jabatan Kerja Raya dan juga dibiayai oleh pihak Majlis Tempatan.

Jadi, selalu berlaku sebagaimana yang telah berlaku di Jalan Pangkor ini. Kalau dalam keadaan yang tertentu, pihak Majlis Bandaran tidak mempunyai cukup wang oleh kerana terhad wang atau budget tidak cukup ataupun peruntukan untuk tahun yang tertentu tidak cukup dan JKR tidak kata JKR tidak boleh repair jalan itu oleh kerana jalan ini di bawah jagaan pihak Majlis dan Kementerian pun tidak mahu oleh kerana ini jalan Majlis. Jadi, Majlis tidak ada wang. Jadi, adakah Kementerian mempunyai satu contingency supaya perkara macam ini tidak berlaku?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan Persekutuan tidak ada peruntukan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

## PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH

**3. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan butir-butir bagaimana ia bercadang untuk melaksanakan rancangan bagi memastikan semua kanak-kanak Malaysia yang memasuki Darjah Satu akan mempunyai sekurang-kurangnya pendidikan pra-sekolah selama satu

tahun, dengan menyatakan bilangan tempat pra-sekolah yang akan Kerajaan bekalkan untuk setiap tahun dari tahun 1992 hingga 1994.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan yang semua kanak-kanak mendapat pendidikan pra-sekolah sebelum masuk ke Darjah Satu. Oleh itu, mengikut rancangan, program pendidikan pra-sekolah akan dilaksanakan di kawasan-kawasan yang benar-benar memerlukannya iaitu sebagai tambahan kepada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak-pihak swasta dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Di peringkat permulaan program ini, pada tahun 1992 Kementerian Pendidikan bercadang untuk menyediakan 1,130 kelas pra-sekolah. Jangkaan pertambahan bagi tahun 1993 ialah sebanyak 1,700 kelas dan tahun 1994 juga sebanyak 1,900 kelas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah bekas Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat dari Senai benar dan betul bahawa tidak ada peruntukan di bawah Akta Pclajaran 1961 untuk Kerajaan menyediakan kelas-kelas pra-sekolah dan bahawa inilah satu cadangan dibuat dalam usaha untuk mengadakan Akta Pendidikan yang baru yang sebenarnya patut dibentang dalam tahun 1990. Kalau begitu, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apa masalah yang dihadapi mengenai usaha untuk membentangkan Akta Pendidikan yang baru supaya sistem pra-sekolah boleh dibuat mengikut undang-undang? Adakah masalah dihadapi oleh kerana pertukaran Menteri Pendidikan dan sekarang perlu menunggu seorang Menteri Pendidikan yang baru datang dari UMNO supaya Rang Undang-undang Pendidikan baru itu diguna oleh kerana pendidikan selalu digunakan oleh parti UMNO sebagai alat politik. *(Tepuk)*

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional kita ini merupakan Kerajaan yang sebenar-benarnya menjalankan program-program untuk kebajikan rakyat kita. *(Tepuk)*

Jadi, kita rasa program pra-sekolah ini adalah satu program yang memang menjaga keperluan rakyat kita. Program pra-sekolah ini merupakan satu program non-statutory education, dengan izin. Jadi, ianya tidak bercanggah dengan Akta Pendidikan 1961. *(Tepuk)*

**Tuan Billy Abit Joo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersetuju pra-sekolah adalah baik. Soalan pertama, dari 1,300 kelas pra-sekolah yang dicadangkan untuk tahun hadapan, berapakah diperuntukkan untuk Sarawak?

Kedua, apakah cadangan Kementerian Pendidikan untuk memastikan semua murid-murid di persisiran negeri Sarawak mendapat pendidikan pra-sekolah memandangkan masalah kekurangan misalnya asrama, bilik kelas dan sebagainya.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada butir-butir peruntukan kelas tersebut mengikut negeri tetapi saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa daripada kelas-kelas ini kita memperuntukkan kepada semua negeri secara saksama dan dari segi kemudahan ini saya tidak jelas dengan soalan itu. Bolehkah Ahli Yang Berhormat mengulangi soalan itu?

**Tuan Billy Abit Joo:** Memandangkan sekarang ada banyak kekurangan sekolah-sekolah di persisiran negeri Sarawak (di luar bandar) dan jika ditambahkan kelas pra-sekolah ini akan menambahkan masalah seperti ini.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebaliknya program pendidikan pra-skolah ini akan berjaya memperkukuhkan asas pendidikan sebelum kanak-kanak itu dimasukkan ke sekolah-sekolah secara formal. Jadi, kita yakin bahawa dengan adanya program pra-sekolah ini di semua negeri kita akan berjaya mengurangkan, dengan izin, drop-out rate yang kita alami pada masa sekarang.

#### **JUALAN BARANG-BARANG DARI RUMAH KE RUMAH**

**4. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang melindungi pengguna daripada penjualan barang-barang yang dilakukan dari rumah ke rumah dan jika ada bagaimanakah bentuk perlindungan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memang bercadang untuk melindungi pengguna-pengguna daripada amalan-amalan yang tidak sihat yang berlaku dalam penjualan barang-barang dari rumah ke rumah.

Bagi maksud ini, Kementerian sedang menimbangkan pengenalan suatu undang-undang baru yang bertujuan mengawal aktiviti penjualan barang-barang secara langsung dari rumah ke rumah, kemungkinan melalui pelesenan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna. Kementerian berharap akan dapat membentangkan rang undang-undang berkenaan di Dewan yang mulia ini pada tahun hadapan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Termasuk jualan rumah ke rumah sekarang ini perkara yang paling popular sekali sekarang ialah perniagaan melalui multi-level ataupun pyramid system. Apakah pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memerhatikan soal penjualan dalam bentuk ini supaya pengguna tidak tertipu nanti iaitu multi-level dan pyramid system?

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, memang dalam usaha Kementerian untuk menyediakan satu undang-undang yang baru yang akan mengawal aktiviti-aktiviti penjualan secara langsung, perkara seperti sistem penjualan multi-level atau pyramid system akan diambil kira dan akan diberi perhatian yang serius, Perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan sistem penjualan akan ditentukan kemudian dan akan dirangkumi di bawah Rang Undang-undang baru yang tersebut.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapa banyakkah aduan yang telah Kerajaan terima mengenai penjualan barang-barang dari rumah ke rumah setakat ini dan apakah masalah yang Kerajaan hadapi dalam setiap siasatan yang dibuat hasil daripada aduan tersebut?

Kedua, sejauh manakah Kerajaan telah berjaya menyedarkan rakyat mengenai hak-hak mereka dalam penjualan barang-barang yang dilakukan dari rumah ke rumah?

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun lepas iaitu tahun 1990, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menerima sebanyak 38 aduan yang ada berkaitan dengan penjualan

secara langsung termasuk jualan dari rumah ke rumah dan pecahan adalah seperti berikut:

1990 — 21 aduan;

Bagi tahun ini (hingga akhir bulan Oktober) 17 aduan.

Masalah dan jenis-jenis aduan yang telah diterima adalah berkaitan dengan beberapa perkara yang termasuk:

- (i) dalam jualan secara langsung dari rumah ke rumah tidak ada apa-apa perjanjian jual-beli yang tepat;
- (ii) tidak ada jaminan ke atas barangan yang dijual, terutamanya dari segi mutu dan perkhidmatan lepas jualan;
- (iii) masalah berkenaan penjual yang menafikan segala dakwaan mengenai perihal barangan serta jaminan-jaminan lain yang diberikan semasa menjual barang itu;
- (iv) pembeli mengalami kesukaran menamatkan perjanjian sekiranya mendapati barangan tidak sepertimana yang dijanjikan; dan juga
- (v) aduan berkenaan para penjual menggunakan tatacara jualan yang melibatkan paksaan, desakan dan cara-cara amalan perniagaan yang tidak beretika.

#### **SISTEM FAIL/SIMPANAN REKOD DI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN**

**5. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa sistem fail dan simpanan rekod di Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan tidak

teratur dan terdapat banyak fail-fail kenderaan sukar dicari atau yang hilang sehinggakan untuk membuat perbaharuan cukai jalan satu interchange number memakan masa lebih dari sebulan; terutama nombor-nombor tunggal; dan

- (b) jika sedar, bolehkah beliau memberi jaminan bahawa JPJ Wilayah Persekutuan akan dipastikan beroperasi dengan licin, cekap dan berdisiplin,

#### **Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):**

Tuan Yang di-Pertua, sistem dan penyimpanan fail kenderaan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Wilayah Persekutuan dan pejabat-pejabat JPJ Negeri lain sebenarnya adalah teratur di mana fail-fail disusun di rak-rak dalam bilik fail mengikut abjad dan nombor siri. Biasanya jika fail berada di pejabat JPJ Wilayah Persekutuan, maka fail tersebut boleh diperolehi dengan segera dan proses pertukaran nombor itu dapat dtlaksanakan dalam masa yang singkat. Bagaimanapun, jika fail kenderaan yang berkenaan berada di pejabat JPJ Negeri lain, maka fail tersebut perlu diminta terlebih dahulu dari pejabat yang menyimpannya untuk dihantar ke JPJ Wilayah Persekutuan dan perkara ini mengambil masa kerana melibatkan proses penghantaran dengan beg keselamatan.

Di seluruh Malaysia terdapat 5.5 juta fail kenderaan yang disimpan di semua pejabat JPJ Negeri. JIP Wilayah Persekutuan menyimpan bilangan fail yang terbesar iaitu kira-kira 1.3 juta fail kenderaan. Saya suka memaklumkan bahawa penyimpanan fail ini adalah dibuat secara manual di mana fail sesebuah kenderaan yang di kehendaki perlu dicari secara fizikal untuk memproses pertukaran nombor itu. Oleh kerana bilangan fail yang begitu besar dan penyimpanannya

secara manual, tidak dapat dielakkan kemungkinan kelewatan yang boleh berlaku kerana pada ketika itu fail yang berkenaan mungkin telah diambil dan digunakan untuk urusan-urusan lain seperti semakan oleh Bahagian Penguatkuasa dan sebagainya.

Mengenai kelewatan mendapatkan fail ini, suka saya mengesahkan bahawa masalah ini tidaklah begitu serius sehingga menjejaskan seluruh perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai. Kebanyakan fail dapat dikesan dengan cepat dan permohonan dapat dilaksanakan dengan segera. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, kes-kes kelewatan mendapatkan fail ini tidak dapat dielakkan seratus peratus kerana sistem dan penyimpanan fail-fail itu adalah secara manual. Masalah ini akan dapat diatasi apabila urusan JPJ dilaksanakan dengan menggunakan sistem komputer di seluruh negara dalam tempoh 2 tahun lagi. Di bawah sistem ini nanti fail-fail tidak lagi digunakan. Semua maklumat akan disimpan dalam komputer.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, berapakah aduan yang Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan terima daripada orang awam yang mengadu bahawa mereka diberitahu oleh Pegawai Kaunter bahawa fail dan rekod kenderaan mereka hilang tetapi timbul semula sebaik sahaja wang kopi dibayar? (*Ketawa*)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, rasa saya itu adalah tuduhan melulu.

Mengenai bilangan aduan, saya tidak dapat memberikan bilangannya sekarang di sini. Mengenai apa yang dikatakan bahawa ada fail yang hilang didapati semula apabila dibayar wang kopi, saya mintalah supaya Yang Berhormat itu mendapatkan aduan yang sebenarnya, tarikhnya, masanya dan siapa dia yang berkenaan.

## ORIENTASI BEKAS ANGGOTA KOMUNIS

**6. Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada penahanan 9 orang bekas anggota komunis baru-baru ini bermakna Parti Komunis Malaya telah melanggar perjanjian yang ditandatangani di Haadyai;
- (b) bagaimanakah sambutan bekas komunis yang membantu pasukan keselamatan membersihkan jerangkap samar;
- (c) berapa banyakkah jerangkap samar berjaya ditemui dan jumlah anggota keselamatan yang cedera ketika membuat pembersihan;
- (d) apakah sempadan negara ini benar-benar bersih daripada jerangkap samar dan kalau ada, setakat mana seriusnya keadaan ini;
- (e) adakah Kerajaan bercadang memajukan kawasan sempadan yang sudah bebas dari jerangkap samar sebagai penempatan penduduk seperti Tanah Rancangan FELDA; dan
- (f) apakah masih wujud dan sama ada Kerajaan dapat mengesan mereka yang masih mengamalkan ideologi komunis khususnya di bandar dan apakah mereka juga turut menyerah diri kepada Kerajaan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 9 orang bekas anggota komunis yang dimaksudkan itu bukanlah ditahan tetapi telah dikumpulkan untuk mengikuti suatu

proses orientasi yang bermaksud untuk memastikan mereka memahami tanggungjawab mereka terhadap Raja dan negara serta menghormati undang-undang negara. Jadi soal mereka melanggar perjanjian tidaklah timbul.

- (b) Pihak PKM telah memberikan kerjasamanya dengan baik membantu pasukan keselamatan dalam gerakan membersihkan jerangkap samar itu.
- (c) Sejumlah 102 jerangkap samar telah ditemui dan tiada anggota keselamatan yang cedera ketika menjalankan operasi pembersihan itu.
- (d) Kerja-kerja untuk mengesan dan memusnahkan jerangkap samar adalah satu kerja yang sukar dan bahaya. Ianya bergantung kepada keupayaan ingatan pengganas-pengganas komunis yang menanamnya dahulu di antara tahun 1974 hingga 1989. Oleh itu, adalah sukar untuk mengenalpasti lokasi di mana jerangkap-jerangkap samar ditar. am disebabkan sudah terlalu lama dan perubahan muka bumi. Namun demikian, adalah dipercayai semua jerangkap-jerangkap samar telah dibongkar dan dimusnahkan.
- (e) Kerajaan bercadang untuk memajukan kawasan tersebut sebagai suatu kawasan pembangunan di bawah projek "KESBAN". Dengan terlaksananya projek itu, penduduk di sekitar akan dapat mengecap nikmat pembangunan sosio-ekonomi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

(f) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, rakyat Malaysia menolak fahaman komunis. Berdasarkan perkembangan yang lepas-lepas jelas menunjukkan Kerajaan telah berjaya mengesan dan mematahkan fahaman komunis dari terus berkembang di negara ini. Pihak berkuasa akan sentiasa mengawasi dan berupaya untuk mengesan mereka yang mengamalkan ideologi komunis dan tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dalam jawapan bagi soalan 6 (a) bahawa 9 orang ada dikumpulkan untuk menjalankan indoktrinasi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata di bawah Akta apa, ada satu jenis kuasa untuk mengumpulkan orang yang bukan tahanan, yang bukan penangkapan tetapi pengumpulan. Adakah Kerajaan sudah ambil kuasa mencipta suatu kuasa yang baru tanpa datang ke Dewan Rakyat ini di mana Kerajaan boleh kumpulkan orang atau segolongan orang di mana mereka hilang kebebasan. Di bawah Akta apa dan di bawah peruntukan mana ada kuasa itu untuk mengumpulkan kumpulan orang?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa seorang pemimpin PKM, Rashid Maidin, ada mengeluarkan satu kenyataan di Selatan Thailand yang mengatakan bahawa penangkapan, pengumpulan dan penahanan orang-orang tersebut, di mana mereka hilang kebebasan, adalah mencabuli Perjanjian Haadyai yang ditandatangani antara PKM dan Kerajaan Malaysia. Dan kenyataan itu ada disampaikan kepada semua mass-media. Adakah ini benar bahawa ini adalah bercanggah dengan perjanjian? Apa yang berlaku dalam

perundingan dan apa yang termaktub dalam Perjanjian Haadyai mengenai perkara ini, adakah ini satu pencabulan? Dan kalau begitu, bukannya ini akan menjejaskan nama baik Malaysia di peringkat antara-bangsa?

**Dato' Megat Junid bin Megat**

**Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lakukan tidak sekali-kali mencabul perjanjian yang telah dipersetujui. Di dalam perjanjian tersebut, semua mereka yang ingin kembali haruslah dengan terus-terang menyatakan bahawa mereka telah menjatuhkan ideologi komunis daripada mereka. Itu satu.

Oleh kerana kesembitan-semblilan ini enggan berbuat demikian, dengan sebab itu satu bentuk orientasi harus kita adakan untuk mereka menggugurkan ideologi mereka.

Tentang hilang kebebasan untuk 9 orang ini tidaklah menjadi persoalan oleh kerana apalah hilang kebebasan 9 orang kalau 17 juta rakyat Malaysia akan terancam. Kerajaan lebih bertanggungjawab tentang keselamatan 17 juta orang daripada 9 orang ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ingin tahu di bawah Akta apa, tindakan itu diambil?

**Dato' Megat Junid bin Megat**

**Ayob:** Takkan kita hendak beri orientasi kepada orang, kena buat Akta dalam Parlimen.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, tidak payah Akta?

**Dato' Megat Junid bin Megat**

**Ayob:** Tidak payah Akta. Kita kumpul, dipersetujui, maka kita adakan orientasi. Ini perkara yang baik. Kalau perkara yang tidak baik barulah kita hendak bawa Akta. Ini perkara yang baik untuk menentukan keselamatan

rakyat dan keselamatan Yang Berhormat sendiri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menurut jawapan Timbalan Menteri tadi, syarat yang utama ialah mereka hendaklah mengaku meninggalkan ideologi komunis—sebagai syarat utama supaya mereka bolch balik ke Malaysia. Apakah mereka yang melakukan pembunuhan terhadap anggota Polis dan orang awam boleh diterima masuk begitu mudah walaupun mereka melakukan pembunuhan asalkan mereka tinggal ideologi komunis? Jadi mereka bunuh dulu, tidak perlu didakwa lagi. Apakah itu syaratnya?

**Dato' Megat Junid bin Megat**

**Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, itu sebabnya kita mengambil masa yang begitu lama untuk menapis semua permohonan yang dibuat oleh bekas ahli-ahli PKM ini. Daripada 422 orang yang memohon, hanya 13 orang sahaja yang telahpun kita benar kembali kerana kita akan menapis segala-galanya dari semua sudut termasuklah sudul yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu supaya tidak mewujudkan suasana yang tidak senang dan tidak baik apabila mereka kembali ke tanah air.

## PERDAGANGAN HARAM

7. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengenai perdagangan haram dan dalaman dalam industri sekuriti dan saham, nyatakan tindakan yang diambil untuk mencegah kegiatan ini dan sebutkan nama syarikat dan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah.

- (b) kedudukan siasatan mengenai aduan ke atas dua syarikat saham di Melaka, yakni Tan, Cho & Loh dan Chuaco, oleh pembeli-pembeli saham satu skim perdagangan saham haram di Tampin dan nyatakan tindakan yang telah diambil; dan
- (c) sama ada Kementerian bercadang menambah lagi syarikat saham yang boleh disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan kalau tidak mengapa, kalau ya, berikan butir-butir lanjut.

**Timbalan Menteri Kewangan  
(Tuan Abdul Ghani bin Othman):**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perdagangan haram adalah urusaniaga saham yang dilaksanakan oleh orang-orang yang tidak mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Sejak tahun 1988, Pendaftar Syarikat (ROC) telah menjalankan 18 siasatan di bawah Seksyen 12 dan 13 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang melibatkan lebih 50 orang individu yang tidak berlesen. Kebanyakannya telah didenda melalui kompaun oleh Pendaftar Syarikat dengan denda di antara \$800 hingga \$3,000 tiap-tiap seorang berdasarkan kepada beratnya satu-satu kes itu. Sebanyak 8 kes telah dihadapkan ke mahkamah termasuk dua di Sarawak. Selain daripada pendakwaan mahkamah tersebut Pendaftar Syarikat juga telah mengenakan denda dan menarik balik beberapa lesen wakil peniaga yang didapati bersubhat membenarkan orang-orang yang tidak berlesen untuk menjalankan urusaniaga saham.

Perdagangan dalaman atau lebih dikenali sebagai "**insider trading**" adalah umsniaga saham sesebuah syarikat oleh orang dalam di dalam sesebuah syarikat yang berkenaan dengan menggunakan maklumat dalaman yang sensitif kepada harga saham itu yang diprolehinya sebagai orang dalam di dalam syarikat itu. Setakat ini, Pendaftar Syarikat tidak mempunyai bukti untuk tindakan seterusnya terhadap kes-kes perdagangan dalaman. Walaupun begitu, pendirian Kerajaan adalah bagi memastikan bahawa pasaran saham terhindar daripada amalan tersebut. Oleh yang demikian, Pendaftar Syarikat akan terus menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya mengenai amalan ini.

- (b) Siasatan yang dijalankan oleh Pendaftar Syarikat mengenai kes perdagangan haram saham di Tampin yang berlaku baru-baru ini telahpun selesai. Puan Yau Siew Ting @ Tau Soo Ting telahpun didakwa di Mahkamah Sesyen Tampin pada 21.10.1991 dengan dua kesalahan di bawah Seksyen 87A, Akta Perindustrian Sekuriti 1991, di mana beliau telah dituduh kepada ejen kepada Syarikat Broker Saham Tan, Chow & Loh Securities Sdn. Bhd sewaktu berurusaniaga saham dengan Chuaco Securities Sdn. Bhd di Melaka tanpa lesen yang sah. Encik Lee Siow Keng, seorang Pengarah Syarikat Chuaco Securities Sdn. Bhd dan Encik Kok Kee Huat seorang bekas wakil peniaga berlesen (remiser) di Syarikat Tan, Chow & Loh Securities Sdn. Bhd juga telah didakwa di Mahkamah Sesyen Tampin atas kesalahan subhat melakukan

kesalahan di atas. Kesemua kesalahan tersebut boleh dihukum dengan denda tidak kurang daripada \$50,000 dan penjara tidak lebih 7 tahun dan kesemua kes tersebut akan disebut sekali lagi di mahkamah yang sama pada 5.12.1991 kelak.

- (c) Pada masa ini kajian sedang dibuat sama ada kelulusan boleh diberi bagi penyenaian syarikat-syarikat broker saham baru di Bursa Saham Kuala Lumpur dan setakat ini hanya 10 syarikat broker saham dibenar untuk disenaraikan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan yang telah diambil terhadap syarikat saham tersebut yang terlibat dalam perdagangan haram iaitu Syarikat Tan Chou & Low di Melaka dan Syarikat Chua Koh juga di Melaka. Kerana kegiatan perdagangan haram tersebut telah mengakibatkan kerugian yang amat besar ke atas mangsa-mangsa atau melabur-pelabur yang ditipu untuk melabur dalam kegiatan sebegini di Tampin dan apakah rancangan pihak Kementerian supaya mereka dapat memperolchi pampasan daripada kegiatan penipuan itu.

Kedua, memandangkan bahawa kedua-dua syarikat saham di Melaka itu terlibat dan peluang untuk mangsa-mangsa pembeli-pembeli saham perdagangan haram itu menebus kembali kerugian mereka adalah tipis, bolehkah pihak Kementerian mengarahkan kedua-dua syarikat saham itu membayar balik ganti rugi kepada pembeli-pembeli saham tersebut dan juga bukan sahaja di kedua-dua syarikat saham di Melaka tetapi juga di seluruh negara, kerana

kegiatan perdagangan haram begitu berleluasa, bukan sahaja kes ini berlaku di Tampin tetapi juga di seluruh negara.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka telahpun disebutkan di Mahkamah. Oleh yang demikian, lebih wajar proses pengadilan dilangsungkan oleh pihak Mahkamah.

**Beberapa Abli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah arahan diberi kepada kedua-dua syarikat itu untuk membayar pampasan kepada mangsa-mangsa tersebut?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sudah dikatakan bahawa perkara itu adalah di dalam pertimbangan Mahkamah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini adalah terletak di bawah kuasa pihak Kementerian, sungguhpun kes jenayah lain telah disebutkan di dalam Mahkamah tetapi pampasan masih di bawah arahan pihak Kementerian. Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri masih belum menjawab soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada apa-apa tambahan dari Timbalan Menteri?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, yang dahulu itu didahulukan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim.

**Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit pembetulan iaitu saya minta kepada Menteri Dalam Negeri, soalan No. 8.

#### LEMBAGA PENAPISAN FILEM

**8. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah benar Lembaga Penapisan Filem (LPF) mengalami kerugian berjuta-juta ringgit pada tahun 1990;
- (b) apakah punca-punca yang menyebabkan kerugian tersebut; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi kerugian pada masa hadapan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang dibangkitkan adalah tidak benar. Lembaga Penapisan Filem bukanlah satu badan perniagaan tetapi merupakan satu agensi Kerajaan yang bertanggungjawab menonton-tapis filem supaya bahan-bahan yang tidak diinginkan demi memelihara kesejahteraan pemikiran awam dan keselamatan negara. Oleh itu hasil Lembaga adalah incidental, dengan izin, dan banyak bergantung kepada permohonan untuk sijil penapisan yang dikemukakan oleh penganjur-penganjur filem atau video.

Berikutan dengan langkah Kerajaan menganggotai konvensi Berne mengenai hakcipta, penganjur-penganjur filem dan video mengambil sikap

berhati-hati dan memilih tajuk-tajuk filem yang benar-benar laris di pasaran sahaja untuk penganjur dan tidak memohon sijil penapisan filem dengan sewenang-wenangnya. Seterusnya dengan peningkatan dalam persembahan kesetruhan program televisyen seperti penambahan tayangan filem, Blockbuster, dengan izin, yang terbaru dan siaran langsung berbagai acara dalam dan luar negeri, orang ramai lebih berminat untuk menonton televisyen dari menonton video—akibatnya mereka kurang menyewa pila video.

Juga terdapat perubahan kepada citarasa pengguna secara keseluruhannya terhadap format video, small screen, dengan izm, yang menyebabkan orang ramai menyukai semula menonton wayang gambar di pawagam-pawagam.

#### KILANG IMPORT BAHAN MENTAH LUAR NEGERI

**9. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah kilang-kilang industri yang memproses bahan-bahan mentah yang diimport dari negara luar dan diproses di Malaysia untuk dieksport ke negara ketiga;
- (b) apakah jenis bahan-bahan mentah yang diimport dan kos bahan-bahan mentah tersebut; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan pertumbuhan sektor ini untuk mengimbangi defisit tukaran luar negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S. S. Subramaniam):**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak menyimpan data-data mengenai jumlah kilang-kilang yang mengimpon bahan-bahan mentah dari luar negeri dan diproses untuk diekspor ke negara ketiga.

Walau bagaimanapun, kebanyakan dari kilang-kilang di Malaysia mengimport sebahagian dari bahan-bahan mentah atau komponennya. Kebanyakan dari barang-barang ini diimport kerana tidak didapati di dalam negeri dan diekspor sebagai barang siap atau dijual di pasaran tempatan.

Untuk jawapan (b), berasaskan maklumat-maklumat yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan adalah didapati barang-barang yang diimport terdiri dari 3 kategori iaitu barangan pengguna, barangan pelaburan dan barangan perantaraan, Import termasuk juga barang-barang yang diimport untuk diekspor semula. Bagi tahun 1990, nilai barang-barang yang diimport adalah seperti berikut:

Barangan Pengguna	\$17,328 juta (22%)
Barangan Pelaburan	\$28,088 juta (35.5%)
Barangan Perantaraan	\$32,836 juta (42%)
Import untuk diekspor semula	\$870 juta (1.1%)

Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan (c), di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan komponen-komponen tempatan ialah:

- (i) menggalakkan industri-industri berinsentif modal dan yang mengeluarkan komponen-komponen untuk sektor pembuatan;

- (ii) membangunkan dan memodenkan sektor industri kecil dan sederhana supaya sektor ini dapat membekalkan barang-barang gantian dan komponen yang berkualiti kepada industri-industri besar;

- (iii) memberi penekanan kepada kandungan tempatan dalam pemberian galakan taraf perintis dan elau cukai pelaburan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Setiausaha Parlimen, saya hendak tahu adakah hanya bahan-bahan mentah seperti komponen sahaja yang diimport. Adakah bahan-bahan yang lain seperti bahan-bahan mentah pertanian yang diimport daripada negara yang lain. Adakah benar bahawa bahan-bahan mentah dari luar negeri yang diimport masuk ke Malaysia ini lebih murah daripada bahan-bahan mentah tempatan.

Kedua, bagaimanakah pertumbuhan ataupun perkembangan industri dapat diimbangkan antara Malaysia dengan negara-negara yang lain, khasnya daripada segi kegunaan bahan-bahan mentah jika matlamat Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pasaran bebas dan lebih liberal seperti yang telah dikatakan oleh Menteri sendiri pada 17hb Oktober ini di Shah Alam.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai satu dasar untuk mengawal penggunaan barang-barang komponen lempatan di dalam negara kita. Kita hanya ada satu dasar untuk mengawal penggunaan barang-barang tempatan untuk kereta automatik sahaja. Oleh yang demikian, adalah susah untuk Kementerian kita mengawal dan juga memberi butir-butir yang berkaitan dengan apakah jenis barang-barang import yang digunakan, walaupun dari segi pertanian ataupun lain-lain

industri. Oleh yang demikian, saya rasa apa yang kita boleh buat ialah kita perlukan satu dasar untuk kita menggunakan komponen-komponen tempatan di mana kita harus mewujudkan satu polisi untuk mengawalinya. Ini akan menyusahkan kilang-kilang dan juga pengguna-pengguna di dalam negara kita dan oleh yang demikian, kita akan liberalkan di dalam perkara-perkara scperli penggunaan barang-barang tempatan.

### **MAHKAMAH—PENYUSUNAN SEMULA PENTADBIRAN**

**10. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada terdapat cadangan untuk menyusun semula pentadbiran dan pengurusan Mahkamah dan sekiranya ada, untuk menyatakan cara-cara bagaimana penyusunan semula itu akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, cadangan penyusunan semula pentadbiran dan pengurusan mahkamah setakat ini masih lagi dalam kajian pihak mahkamah.

Sementara itu, usaha Kerajaan untuk menggalakkan pegawai-pegawai kanan terus berkhidmat dengan badan kehakiman telah bersetuju menggredkan semula beberapa jawatan kanan seperti Hakim-hakim Mahkamah Sesyen, Penolong Kanan Pendaftar, Magisret dan sebagainya. Langkah ini akan menjamin jawatan-jawatan kanan ini di mahkamah akan diisi oleh pegawai-pegawai yang berpengalaman.

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya kekurangan jurubahasa di

mahkamah masih menjadi satu masalah yang serius seperti di Kampar Magistrate Court. Sudah tiga tahun tidak ada Jurubahasa Tamil dan Punjabi. Itulah suatu masalah yang besar dan saya fikir mungkin berlaku di seluruh negara. Apakah sebab kekurangan Jurubahasa di mahkamah-mahkamah dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan Jurubahasa di seluruh negara terutamanya di Magislrle Couri, Kampar.

**Dr Fong Chan Onn;** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah kekurangan tenaga mahir di alami oleh kebanyakan pejabat Kerajaan. Saya ingin memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kampar bahawa Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya, bukan sahaja dalam kekurangan Jurubahasa tetapi juga kekurangan tenaga mahir di bahagian-bahagian yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Joseph Voon.

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Joseph Voon tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Nurnikman Abdullah.

*(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir)*

*Soalan No. 13*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Ruhanie Haji Ahmad.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telahpun dijawab baru-baru ini dan saya tidak ada apa-apa soalan tambahan yang lain.

**CETAK ROMPAK—  
PENGUATKUASAAN  
AKTA HAKCIPTA**

**14. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) tindakanyangdiambiluntuk menghapuskan kegiatan perjudian dan perniagaan keset cetak rompak;
- (b) jumlah serbuan yang lelah dibuat dan nyatakan hasil daripada serbuan tersebut; dan
- (c) apakah perlu digubal satu Akta baru untuk membolehkan tindakan mengejut dibual.

20.12.91.

**12. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah Kementerian lelah dapal membanteras kegiatan mencetakrompak kaset-kaset dan kemudian menjualkannya di pasaran dalam negara ini;
- (b) semenjak penguatkuasaan dijalankan untuk mencegah kegiatan mencetakrompak kaset ini, berapakah tangkapan yang telah dibuat dan apakah bentuk hukuman yang dikenakan; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang unluk memperketatkan lagi hukuman ke atas mereka yang didapati bersalah.

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar yang dijadualkan dijawab pada 20hb Disember, oleh kerana isu yang dibangkitkan adalah sama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Baiklah.

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Bahagian (a):

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, semua tindakan di bawah Akta Hakcipta 1987 adalah berdasarkan kepada aduan-aduan dan maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh tuannya hakcipta. Dalam hubungan ini, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan ke atas semua aduan yang diterima dari tuannya hakcipta.

Sehingga ini, Kemeterian telah menerima sebanyak 524 aduan dari tuannya hakcita berhubung dengan kegiatan cetak rompak kaset. Daripada jumlah ini, sebanyak 327 kes telah erjaya dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah \$2,802,209.30.

Perlu ditegaskan di sini bahawa Kementerian sentiasa memandang berat akan masalab kegiatan cetak rompak khususnya kaset. Kementerian sedar akan perlunya memberi segala perlindungan kepada tuannya hakcipta supaya karya dan idea yang dihasilkan itu tidak dicuri oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab demi kepentingan peribadi. Dalam hubungan ini, Kementerian akan tetap bertindak tegas terhadap mana-mana orang yang melanggar peruntukan undang-undang di bawah Akta Hakcitpa 1987. Perlindungan ini bukan sahaja menjaga kepentingan karyawan Malaysia tetapi juga para karyawan luar negeri dengan harapan ianya akan memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing untuk terus melabur di ncgara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian (b):

Sejak Akta Hakcipta 1987 diwujudkan sehingga 30hb September tahun 1991, sebanyak 2,705 serbuan di bawah Akta ini telah dibuat dan telah menghasilkan sebanyak 1,703 kes yang melibatkan berbagai barangan termasuk kaset dengan nilai rampasan berjumlah \$6,081,807.05. Daripada jumlah kes yang telah selesai, jumlah denda yang dikenakan oleh mahkamah ialah sebanyak \$253,280.

Bagi menjawab bahagian (c):

Kementerian berpendapat bahawa Akta Hakcipta 1987 yang sedia wujud adalah mencukupi untuk mengawalselia kegiatan cetak rompak dan dapat memberi perlindungan sewajarnya kepada tuanpunya hakcipta.

Peruntukan-peruntukan undang-undang yang ada di bawah Akta ini memberikan kuasa kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa untuk menjalankan apa-apa siasatan dan serbuan berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima daripada tuanpunya hakcipta.

Memandangkan Akta yang sedia ada telah memberi kuasa yang mencukupi dalam menguatkuasakan undang-undang hakcipta, dan hukuman yang diperuntukkan adalah didapati wajar, maka buat masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk menggubal undang-undang baru.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, siapakah yang ada kuasa untuk pergi membuat serbuan terhadap perniagaan kaset cetak rompak dan sila memberitahu prosedur untuk membuat

serbuan. Sekiranya terdapat penyelewengan kuasa, apakah tindakan boleh diambil terhadap mereka yang pergi membuat serbuan itu?

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas atau menjalankan serbuan ialah Pegawai-pegawai Penguatkuasa di bawah Bahagian Penguatkuasa Kememernian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Yang kedua, pendekatan yang diambil oleh Kementerian dalam menjalankan serbuan ialah tertakluk kepada aduan-aduan yang diterima daripada tuanpunya hakcipta.

Yang ketiga, di bawah Akta Hakcipta 1987 memang ada peruntukan yang mengawal kuasa dan tindak tanduk pegawai-pegawai yang menjalankan usaha penguatkuasaan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Soalan tambahan. Sebagaimana telah dijelaskan, Pegawai Penguatkuasa hanya boleh mengambil tindakan berlandaskan aduan daripada yang berhak di bawah Akta Hakcipta itu iaitu tuanpunya hak yang dilindungi oleh undang-undang. Tetapi sebagaimana kita sedar juga, benda-benda yang dibuat secara haram ini adalah berkualiti rendah, maka tidakkah Kementerian sedar bahawa hak pengguna juga perlu diambil perhatian, dan tidakkah kita bercadang untuk membuatkan suatu undang-undang supaya hak pengguna itu dijaga dan pihak pengguna juga berhak untuk membuat sesuatu aduan dan tindakan yang sejajar ataupun yang berpatutan, yang boleh diambil berlandaskan daripada aduan-aduan yang diterima oleh pihak pengguna. Tetapi sama ada pihak Menteri sedar ataupun belum sedar lagi bahawa jikalau beliau pergi ke Chow Kit Road sekarang terdapat banyak kaset-kaset haram masih dijual.

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya berkaitan dengan dua perkara. Pertama ialah berkenaan dengan barang-barang yang kurang standardnya atau kurang mutunya, yang mana memang di bawah beberapa Akta yang kita ada telah memberikan perlindungan kepada para consumer dan memang para consumer ataupun para pengguna mempunyai hak untuk membuat aduan kepada Kementerian atau Pegawai Penguatkuasa untuk menjalankan tugas dan siasatan mereka.

Berkenaan dengan pendekatan Kementerian dalam menjalankan tugas melindungi tuan punya hak cipta, iaitu perkara yang kedua, maka Kementerian mengambil pendekatan ini oleh kerana pada asasnya salinan-salinan tiruan harus dikenalpasti apabila serbuan-serbuan dibuat. Oleh kerana itu, Kementerian mengambil pendekatan bahawa adalah wajar bahawa serbuan-serbuan hendaklah dijalankan apabila kita mendapatkan aduan-aduan dan dalam menjalankan serbuan itu juga, pegawai-pegawai Kementerian mendapatkan bantuan daripada tuan punya hak cipta untuk membantu mengenalpastikan bahawa salinan-salinan yang disitakan adalah salinan tiruan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)*

#### **JALAN RAYA BARU ANTARA JAMBATAN PASIR MAS— SALOR KE KOTA BHARU**

**16. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah projek pembinaan jalan raya baru antara Jambatan Pasir

Mas-Salor ke Kota Bharu akan bermula dan bilakah dijangka akan disiapkan; dan

- (b) apakah pampasan sudah disalurkan berikutan dengan pengambilan tanah untuk projek jalan raya tersebut.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pembinaan projek jalan raya baru antara Jambatan Pasir Mas-Salor ke Kota Bharu dijadualkan bermula kira-kira pada bulan Jun 1992 dan dijangka siap pada awal tahun 1994,
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini pada masa ini masih lagi dalam peringkat kerja-kerja ukur dan rekabentuk awalan. Proses pengambilan balik tanah akan hanya bermula apabila kerja-kerja tersebut selesai barulah pelan Pengambilan Balik Tanah dapat disediakan bagi dikemukakan kepada pejabat tanah bagi jajaran yang berkenaan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Nilam Puri, kawasan istimewa, ada dua Wakil Rakyat—satu yang diisytihar siasah dan seorang lagi mengaku jadi Wakil Rakyat, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mempercepatkan pembinaan jalan ini kerana memandangkan kesesakan yang berlaku di jalan ini terutama bahu jalannya tidak ada menyebabkan kesusahan kepada orang-orang kampung sekarang ini?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira kalau Kerajaan membina dan membaikpulih jalan baru ini mulai pertengahan tahun baru, kerana kerja-kerja ukur jalan-jalan ini belum siap, ini memang cukup cepat, oleh kerana banyak lagi kerja-kerja yang akan dibuat oleh pihak JKR.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 11, 12, 15 dan 17 hingga 27 adalah diberi di bawah ini)*

### **KAKITANGAN SEKTOR AWAM BERKHIDMAT DI SABAH/ LABUAN**

**11. Tuan Joseph Voon** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan rakyat Malaysia yang berasal dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak yang kini sedang bertugas di Sabah dan Labuan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Bilangan kakitangan sektor awam yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah dan Labuan adalah seramai 5,083 orang, manakala bilangan dari Sarawak pula adalah seramai 258 orang.

### **HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN DI SABAH**

**12. Tuan Nurnikman Abdullah** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menurunkan dan mengawal harga barang-barang keperluan yang tinggi di Sabah.

**Dr Sak Cheng Lum:** Kemnterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah, sedang dan akan mengambil berbagai langkah untuk menentukan supaya harga barang-barang perlu di seluruh negara termasuk Sabah berada di paras yang munasabah dan tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya oleh peniaga-peniaga.

Faktor utama yang menentukan harga sesuatu barang di sesebuah negara yang mengamalkan sistem perdagangan bebas seperti negara kita ini ialah penawaran dan permintaan. Jika bekalannya sentiasa ada dan mencukupi, harganya akan menjadi stabil dengan sendirinya. Oleh itu, langkah pertama yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya harga barang-barang perlu stabil dan tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya ialah menentukan bkalannya senlisa mencukupi dan mudah diperolehi di pasaran datam setiap keadaan. Ini dilaksanakan melalui pergisytiharan 20 jenis barangan sebagai barang kawalan sepanjang masa dan 25 jenis barangan lagi sebagai barang kawalan di musim-musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekatan 1961. Dengan pergisytiharan ini, setiap bentuk urusniaga barang-barang tersebut tertakluk kepada kawalseliaan oleh Kementerian. Kementerian juga boleh mengambil tindakan sewajarnya ke atas peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti yang boleh menjejaskan bekalan di pasaran seperti penyorokan, enggan menjual, mengenakan syarat-syarat yang tidak berpaltungen dan sebagainya.

Kementerian juga mempertingkatkan pengwasan melalui pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan bagi menguatkuasakan undang-undang berkaitan iaitu Akta Kawalan Harga 1946, Akt Kawalan Bekalan 1961, Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Sewa Belia 1967, Akta Timbang dan Sukat 1972 dan perundangan-perundangan subsidiari yang dibual di bawahnya.

Kementerian sedar bahawa harga barang-barang keperluan di Negeri Sabah adalah tebih tinggi jika dibandingkan dengan harganya di negeri-negeri lain. Dalam hubungan ini, Kerajaan sedang mengambil langkah untuk memperseimbangkannya. Satu pasukan juru perunding

telah dilantik untuk mengkaji perkara ini dan tindakan selanjutnya akan diambil berasaskan kajian tersebut.

### INTEGRASI NASIONAL

**15. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan dalam konteks pengwujudan Perpaduan dan Integrasi Nasional khususnya di Negeri Sabah hingga pada masa ini.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Pada asasnya langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk memupuk perpaduan kaum dalam negara ini dilaksanakan melalui dua strategi iaitu strategi penggalakan dan strategi pencegahan. Di bawah strategi penggalakan, Kementerian ini menggalakkan rakyat dari berbagai keturunan bergaul dan berinteraksi melalui aktiviti kemasyarakatan. Rukun Tetangga yang ditubuhkan oleh Kementerian ini adalah sebagai agen untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut. Di bawah strategi pencegahan pula, perhubungan sosial di seluruh negara sentiasa diawasi dengan tujuan untuk menolong menyelesaikan masalah dan meredakan suasana dari gejala-gejala yang boleh membawa kepada perpecahan.

Dari segi integrasi nasional khususnya yang melibatkan negeri Sabah, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan beberapa program. Di bawah program lawatan integrasi, ketua-ketua masyarakat dari Semenanjung dianjurkan untuk melawat Sabah dan Sarawak dan begitu juga ketua-ketua masyarakat dari kedua-dua

negeri tersebut melawat Semenanjung. Bagi mereka dari Sabah dan Sarawak, lawatan ke Semenanjung dilakukan sempena perayaan besar seperti Ujian Tilawah Al-Quran, Perasmian Penggal Parlimen, Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Hari Kebangsaan. Bagi mereka dari Semenanjung pula, lawatan dibuat semasa Hari Keamatan di Sabah dan Hari Gawai di Sarawak.

Bagi murid-murid sekolah menengah atas, satu program 'Titian Emas' telah diadakan. Program ini bermula pada tahun 1989 yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Di bawah program ini, pelajar-pelajar dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan di bawa ke Semenanjung untuk tinggal bersama-sama keluarga-keluarga angkat mereka semasa cuti sekolah dan begitu juga bagi pelajar-pelajar dari Semenanjung yang dijadikan anak angkat oleh keluarga-keluarga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain daripada program-program tersebut, Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai wakil khas masing-masing dalam Panel Penasihat Perpaduan Negara dan juga Jawatankuasa Integrasi yang telah diwujudkan untuk menasihati Kerajaan Pusat tentang perkara berkaitan dengan perpaduan dan integrasi nasional.

### INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN—KUALITI LULUSAN

**17. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada benar atau tidak penilaian yang menyatakan bahawa kemerosotan kualiti lulusan-lulusan universiti lempatan dan menyatakan sekaligus

langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi kemerosotan itu jika benar berlaku.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar penilaian yang mengatakan kualiti lulusan daripada institusi-institusi pengajian tempatan telah merosot. Kementerian Pendidikan dan pihak pentadhiran institusi-institusi pengajian tinggi tempatan sentiasa mengawasi supaya kualiti pengajaran pembelajaran dan lulusan institusi-institusi pengajian tempatan sentiasa terjamin.

Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) mengadakan penilaian semula kurikulum di institusi-institusi pengajian tempatan yang disesuaikan dengan keperluan semasa;
- (ii) menyediakan kemudahan pengajaran pembelajaran yang canggih dan kemaskini;
- (iii) mengamalkan sistem penilaian secara berterusan.

#### KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN

**18. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada langkah Kerajaan seperti diumumkan oleh Perdana Menteri meminta jabatan-jabatan Kerajaan mencari kewangan sendiri, menandakan Kerajaan sedang menghadapi krisis kewangan yang serius. Jika tidak, kenapa. Jika ya, sama ada:

- (a) kegagalan polisi Kerajaan dalam dasar penswastan dan pensyarikatan Malaysia;
- (b) penyclewengan dalam pemberian tender kepada syarikat-syarikat tajaan parti politik,

menyebabkan berlakunya pemborosan dalam perbelanjaan Kerajaan; dan

- (c) projek-projek mewah yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sedang menghadapi krisis kewangan adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan kini bertambah kukuh. Ini dicerminkan dari lebihan yang ditunjukkan oleh akaun semasa Kerajaan Persekutuan. Selepas pulih dari keadaan kemelesetan ekonomi pada tahun 1987, kedudukan kewangan Kerajaan terus mencatatkan lebihan dalam akaun semasanya. Pada tahun 1988, jumlah lebihan dalam akaun semasa adalah sebanyak \$155 juta dan lebihan ini meningkat kepada \$2.4 ribu juta pada tahun 1990. Pada tahun 1992, Kerajaan Persekutuan dijangka memperolehi lebihan dalam akaun semasa sebanyak \$1.8 ribu juta iaitu setelah mengambil kira bayaran gaji dan tunggakan mengikut Sistem Saraan Baru yang melibatkan kos tambahan sebanyak \$2.9 ribu juta.

Kerajaan memperolehi lebihan dalam akaun semasa berikutan dari kedudukan hasil yang bertambah baik serta dasar perbelanjaan yang berhati-hati. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan terus meningkat dari tahun ke setahun. Pada tahun 1988, jumlah hasil Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$22.0 ribu juta dan jumlah ini meningkat kepada \$29.5 ribu juta pada tahun 1990. Pada tahun 1992 jumlah hasil Kerajaan Persekutuan dijangka mencapai \$35.8 ribu juta.

Kedudukan hasil yang lebih kukuh adalah disebabkan terutamanya oleh keadaan ekonomi yang lebih baik dan harga barangan utama termasuk petroleum yang menggalakkan. Pada tahun 1988, harga puratapetroleum

mentah adalah AS\$15.31 setong, dan harga ini meningkat kepada AS\$23.51 setong pada tahun 1990. Pada tahun 1992 harga purata petroleum mentah dijangka rncrosot sedikit kepada AS\$20.00 setong.

Langkah Kerajaan meminta jabatan-jabatan Kerajaan mendapat sumber kewangan sendiri seperti menjual borang yang dikeluarkan oleh jabatan berkenaan adalah bertujuan untuk mengelakkan pembaziran di samping menggunakan jabatan-jabatan Kerajaan terus mengamalkan dasar berjimat cermat. Di samping itu, dengan mengenakan bayaran ke atas borang tersebut, sebahagian dripada kos percetakan borang berkenaan dapat dibiayai dari bayaran yang dikenakan kepada orang ramai. Selain daripada itu, dengan mengenakan bayaran minima ke atas borang yang dikeluarkan, orang ramai akan menggunakan borang tersebut dengan lebih wajar dan ini dapat mengelakkan pembaziran penggunaan borang yang selama ini telah diberikan secara percuma.

#### **PENSYARAH UNIVERSITI MELETAKKAN JAWATAN**

**19. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejak 1.1.91:

- (a) berapa orangkah pensyarah universiti tempatan telah meletakkan jawatan, mcngikul pecahan universiti;
- (b) sebab-sebabnya mereka meletakkan jawatan; dan
- (c) langkah-langkah yang telah/ akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 7.11.91.

#### **KADAR INFLASI**

**20. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kadar inflasi untuk bulan Januari hingga Ogos tahun ini (1991). Adakah kenaikan kadar faedah bank sekarang merupakan salah satu usaha untuk membendung inflasi.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Soalan yang sama telahpun dijawab pada 22hb Oktober, 1991 iaitu semasa saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Telok Intan.

#### **BERITA PERDANA RTM**

**21. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah pihak RTM bercadang memanjangkan berita Perdana dari setengah jam menjadi satu jam, memandangkan bahawa rakyat Maiaysia memerlukan lebih banyak berita luar negeri untuk menghadapi cabaran menjadi masyarakat perdagangan dunia di dalam mencapai Wawasan 2020.

**Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman;** RTM mcnyedari bahawasanya bersesuaian dengan hasrat negara untuk menjadikan masyarakat perdagangan dunia menjelang tahun 2020, perlu memperbanyakkan penyiaran berit-berita daripada luar negara. Buat masa ini berita-berita luar negara disampaikan melalui Berita Perdana, Jendela Dunia dan Berita CNN pada setiap hari. Selain daripada beritabcrita itu, berita-berita dalatn bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil juga meliputi berita luar negara.

Kementerian juga sedang berusaha untuk mengujudkan suatu perkhidmatan yang diberi nama Perkhidmatan Berita Berlanggan (PBB) atau "Subscribed News Service" (SNS), bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa.

Oleh itu, RTM belum bercadang untuk memanjangkan masa berita seperti yang disarankan, namun, jika perkhidmatan "Subscribed News Service" (SNS) tidak memenuhi hasrat RTM dan jika keadaan memerlukan, RTM akan membuat kajian lanjut di atas saranan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

#### SIJIL KEJURURAWATAN— PENILAIAN SEMULA

**22. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan Kerajaan telah bersetuju meletakkan tanggungjawab diploma kepada kursus jururawat terlatih yang baru, bilakah pengiktirafan yang sedemikian akan diberikan kepada jururawat-jururawat terlatih yang sedang berkhidmat sekarang untuk menghalang mereka berhijrah ke sektor swasta atau memilih persaraan optional kerana mereka mempunyai pengalaman bekerja yang mencukupi untuk diterima berkhidmat di sektor swasta.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Parid bin Ariffin):** Kerajaan telah menilai semula Sijil Kejururawatan di bawah kurikulum baru ke peringkat diploma. Penilaian semula Sijil Kejururawatan ini dilakukan apabila kurikulum yang lama diubahsuai secara menambah pembelajaran teori dan mengurangkan pembelajaran praktikal. Ini bermakna bahawa Sijil Kejururawatan di bawah kurikulum yang lama masih kekal mengikut penilaiannya yang lama iaitu tidak setaraf dengan diploma.

Walau bagaimanapun, dengan penilaian semula Sijil kejururawatan itu, maka jururawat-jururawat yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan boleh ditingkatkan ke tanggungjawab diploma selepas kajian telah dilaksanakan untuk menentukan jenis fungsi-fungsi yang dilaksanakan oleh

perkhidmatan jururawat yang boleh dianggap setaraf dengan syarat-syarat kelayakan tambahan peringkat diploma.

#### PULAU BATU PUTEH— PENDIRIAN MALAYSIA

**23. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah bukti sejarah yang menyatakan Pulau Batu Puteh di tenggara Johor sebagai hak Malaysia; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah hakmilik dengan Kerajaan Singapura.

4.12.91

**14. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendirian Kerajaan Malaysia mengenai Pulau Batu Puteh dan bilakah masalahnya hendak dirundingkan oleh Kerajaan dengan Kerajaan Singapura;
- (b) apakah benar, mengikut dakwaan Kerajaan Singapura, satu perundingan telah diadakan pada tahun 1981 yang telah menyelesaikan kedudukan pulau itu, sila butirkah kandungan perundingan tersebut; dan
- (c) adakah Kerajaan bersedia membawa tuntutan ini ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa sekiranya kedua-dua negara tidak dapat menyelesaikannya.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Dengan izin, saya mohon

menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin pada 4hb. Disember, 1991 yang berkaitan dengan perkara yang sama.

Kedaulatan Malaysia terhadap Pulau Batu Puteh adalah berasaskan kepada fakta-fakta tertentu. Walau bagaimanapun, memandangkan isu ini akan dirundingkan dengan Kerajaan Singapura, adalah tidak wajar butiran-butiran isu itu dibincangkan secara terbuka.

Memanglah benar pada tahun 1981, kedua-dua negara telah bersetuju untuk menyelesaikan isu ini secara perundingan. Malaysia percaya soal ini boleh diselesaikan di antara kedua negara tanpa melibatkan pihak ketiga.

#### **KESELAMATAN MINORITI ISLAM DI EROPAH TIMUR**

**24. Dr Nawawi bin Mat Awini** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, dalam pergolakan yang sedang berlaku di negara-negara Eropah Timur dan bekas Komunis, sama ada kedudukan dan keselamatan minoriti-minoriti Islam di negara berkenaan tidak terancam dan apakah tindakan Kerajaan melalui badan-badan antarabangsa yang berkenaan untuk cuba melindungi mereka, jika perlu.

**Dato' Dr Abdullah Padzil bin Che Wan:** Kebanyakan penganut-penganut Islam di negara-negara Eropah Timur dan bekas Komunis tinggal di Yugoslavia, Albania dan Bulgaria. Setakat yang kita ketahui kedudukan dan keselamatan mereka tidak terancam akibat pergolakan yang sedang berlaku di negara-negara mereka.

Walaupun bagaimanapun, tidak dapat dinafikan pergolakan yang sedang berlaku telah sedikit sebanyak mengakibatkan kesusahan kepada

orang-orang Islam. Umpamanya di Yugoslavia, perang saudara di antara kaum Serb dan Croat sedikit sebanyak memberi kesusahan kepada orang-orang Islam di Yugoslavia tetapi mereka tidak terlibat secara langsung dengan peperangan itu. Tambahan lagi mereka ini adalah dari kaum Bosnia, Albania dan Turk yang majoritinya tinggal di Republik Bosnia-Herzegovina, Kosovo dan Republik Macedonia yang terletak jauh dari medan peperangan sebenar.

Di Bulgaria pula, walaupun pada permulaan pergolakan berlaku pelarian penduduk-penduduk Islam beramai-ramai ke Turki, tetapi pada masa ini keadaan sudah pulih seperti sediakala dan kebanyakan mereka telah pulang ke Bulgaria.

Oleh yang demikian, memandangkan pada masa ini kedudukan dan keselamatan minoriti Islam di Eropah Timur tidak terancam, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil tindakan melindungi mereka melalui badan-badan antarabangsa.

#### **PROJEK PEMBANGUNAN— MENDAPATKAN TANAH DI KELANTAN**

**25. Tuan Haji Wan Mohd. Jamin bin Wan Mahmood** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa kalikah Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar membuat permohonan kepada Kerajaan Kelantan untuk mendapatkan tanah di negeri itu bagi melaksanakan projek pembangunan tetapi tidak diluluskan oleh Kerajaan pimpinan Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat; dan

- (b) jika ada sila nyatakan tarikh ianya dipohon dan apakah jenis projek pembangunan yang hendak dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):**

- (a) (i) Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (KPTG) di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan kepada Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah semua permohonan tanah-tanah bagi projek-projek yang dijalankan oleh semua Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan. Permohonan-permohonan tanah untuk projek-projek Badan-badan Berkanun seperti UDA, MARA, FELDA, RISDA, dan lain-lain adalah dikemukakan sendiri oleh badan-badan itu kepada Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan.
- (ii) Sejak akhir 1990 KPTG telah mengemukakan sebanyak 13 permohonan tanah Kerajaan Negeri dan 6 permohonan pengembalian balik tanah persendirian. Dari jumlah ini, sejumlah 3 permohonan tanah Kerajaan Negeri telah dilulus dan 12 permohonan menunggu kelulusan. Mengenai pengambilan balik tanah persendirian sejumlah 6 permohonan masih menunggu kelulusan. Setakat ini, tidak ada permohonan yang ditolak.

- (iii) Kemementerian Pembangunan Luar Bandar melalui KESEDAR telah mengemukakan sebanyak 26 permohonan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk mendapatkan tanah seluas 39,666.18 ha. (98,017.11 ekar). Sehingga kini permohonan-permohonan tersebut belum lagi diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

- (b) Tanah-tanah yang dipohon adalah untuk berbagai tujuan seperti bangunan/pejabat (3), kediaman (2), perniagaan (5) dan pertanian/rancangan tanah (16). Tahun-tahun permohonan itu adalah dibuat seperti berikut:

1983	1
1986	1
1987	1
1989	18
1990	4
1991	1

**KAD KREDIT—KAWALAN**

**26. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah Kad Kredit menekankan inflasi meningkat di negara ini, adakah Kerajaan bersedia melaksanakan garis panduan atau syarat bagi mengetatkan pengawalan pengeluaran Kad Kredit.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Setakat ini kekesanan daripada penggunaan kad kredit dan kad caj ke atas kenaikan kadar inflasi negara, masih belum dapat dibuktikan dengan statistik yang kukuh. Dalam kajian awal yang dibuat oleh Bank Negara, jumlah kredit yang diberi melalui penggunaan kad kredit hanyalah kira-kira 0.8% daripada jumlah pinjaman

yang dikeluarkan oleh sistem bank. Dengan itu, kesannya ke atas inflasi adalah amat kecil. Di samping itu juga, perbelanjaan yang dibuat melalui kad kredit juga merupakan sebahagian kecil daripada jumlah perbelanjaan penggunaan di negara ini di mana anggaran kasarnya bagi setengah tahun pertama 1991 adalah kira-kira 6% daripada jumlah perbelanjaan penggunaan.

Pada masa ini Bank Negara sedang menjalankan kajian yang lebih terperinci mengenai operasi kad kredit dan kad caj di negara ini. Oleh itu, Kerajaan masih belum mengenakan apa-apa peraturan mengenai pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj di negara ini selain daripada mengawasinya sahaja. Sebarang keputusan untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj akan dibuat selepas kajian mengenainya selesai dijalankan oleh Bank Negara nanti.

#### **JALAN TAR DI KAMPUNG BATU 15 MUKIM LEKIR**

**27. Datin Ling Chooi Sieng** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa tidak sebatang jalan dalam Kampung Batu 15 Mukim Lekir ditar. Bilakah kemudahan asas ini akan diberi kepada kawasan ini di mana jumlah penduduk melebihi 500.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Adalah tidak benar kenyataan bahawa tiada sebatang jalan pun dalam Kampung Batu 15 Mukim Lekir yang tidak ditar. Terdapat empat batang jalan di kampung tersebut dan satu daripadanya telahpun ditarkan pada akhir tahun 1990. Pada tahun ini sebatang jalan lagi akan ditarkan iaitu Jalan Pasir Belanda.

#### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18**

#### **PEMBUNUHAN PENUNJUK- PENUNJUK PERASAAN AMAN**

4.04 ptg.

**Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya):** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mengemukakan suatu Usul bahawa Dewan ini, di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2), memberi izin kepada Ahli Parlimen kawasan Pelaling Jaya, Dr Kua Kia Soong mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan untuk tujuan merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu, pembunuhan yang tidak berperikemanusiaan ke atas penunjuk-penunjuk perasaan aman seramai 100 orang termasuk seorang rakyat Malaysia dan mencederakan ramai yang lain oleh tentera Indonesia di Deli Timur pada Selasa, 12hb November, 1991.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia yang terbunuh ialah seorang mahasiawa tahun kedua di Universiti New South Wales, Australia iaitu Kamar Barnat Haj herumur 21 tahun yang berada di sana sebagai pelancong. Menurut Palang Merah Antarabangsa dan lainlain saksi, tentera Indonesia menembak ke arah beribu-ribu orang di ibu negeri Deli, apabila mereka mengambil bahagian dalam satu ucapan kenang-kenangan yang aman di tempat perkuburan untuk dua orang yang telah dibunuh dalam keadaan yang misteri. Institiut Perlindungan Hak Asasi Manusia, Indonesia, telah menyatakan bahawa tujuh orang rakyat asing termasuk empat orang wartawan dan seorang pelancong telah tercedera.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia mesti menggesa pihak berkuasa Indonesia bertindak secara terbuka dan sepenuh menurut standard

dan prinsip hak-hak asasi manusia yang berasaskan undang-undang antara-bangsa dan mematuhi dengan seberapa segera Persetujuan Hak Asasi Manusia Antarabangsa yang amat penting seperti Perjanjian Antarabangsa atas Hak-hak Awam dan Politik. Wisma Putra juga mesti berusaha untuk memberi segala pertolongan kepada keluarga Kamar Barnat Haj yang mayatnya sampai sekarang belum lagi ditemui.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal kerana kandungan yang penting dalam Usul kebanyakannya telah dipotong dan saya rasa sikap .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat.

**Dr Kua Kia Soong:**....sikap ini tidak selaras dengan latitude yang dikatakan oleh Tan Sri Yang di-Pertua semalam. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya pagi tadi. Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacakan sebentar tadi. Untuk membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga syarat, iaitu, pertama, perkara itu tertentu, kedua, ia bagi kepentingan orang ramai dan ketiga, ia berkehendakkan di-segerakan.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan itu dan saya berpendapat bahawa mengenai 'tertentu', saya memang bersetuju perkara itu tertentu dan bagi 'kepentingan orang ramai', saya bersetuju perkara itu adalah bagi

kepentingan orang ramai. Walau bagaimanapun, saya tidak bersetuju perkara itu perlu disegerakan.

Saya berpendapat bahawa perkara itu tidak perlu disegerakan sehingga menangguhkan persidangan Dewan hari ini kerana, pertama, perkara ini adalah mengenai urusan dalam sebuah negara lain yang mempunyai hubungan baik dengan kita dan kita tidak patut campurtangan dalam urusan negara lain. Kedua, saya mendapat tahu pihak Wisma Putra sedang memberikan segala bantuan yang perlu bagi maksud mengendalikan urusan berkaitan dengan membawa balik mayat Allahyarham rakyat Malaysia yang terkorban.

Oleh yang demikian, saya menolak usul tersebut. *(Tepuk)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

#### DAN

#### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," dan juga atas masalah:

"Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada

\$11,522,236,210 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1992, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1991, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai itu." (14hb November, 1991)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Masih ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap hari ini?

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masih ramai lagi. Saya ingat untuk membolehkan seberapa banyak Ahli yang dapat mengambil bahagian pada hari ini, iaitu hari penghabisan, kita hadkan masa perbincangan kepada 15 minit tiap-riap seorang Ahli. Jelutong boleh sambung lima minit hari ini.

4.09 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, pentadbiran Kerajaan adalah dibina atas prinsip collective responsibility.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Speaker, baru-baru ini saya ada buat satu permohonan kepada Jemaah Lembaga Pengampunan Pulau Pinang untuk mengecualikan hukuman

sebatan ke atas seorang rakyat New Zealand, seorang budak bernama Aaron Cohen Shelton.

Pada 13 haribulan bulan ini permohonan itu telah ditolak. Permohonan yang ada dibuat oleh saya bagi pihak budak ini adalah berdasarkan kepada satu kenyataan umum oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 1hb April tahun ini di Teluk Intan. Dalam kenyataan itu, Timbalan Menteri ini secara umum bercakap penagih-penagih dadah adalah orang-orang pesakit dan oleh itu penagih-penagih dadah haruslah dikecualikan daripada sebatan. Tetapi apabila saya buat permohonan ini kepada Lembaga Pengampunan Pulau Pinang, dalam surat itu atas sebab ini, oleh kerana Timbalan Menteri ini ada buat pengumuman, atas sebab itu saya ada tulis kepada Lembaga ini untuk mengecualikan Aaron Cohen Shelton daripada sebatan.

Adakah collective responsibility dalam negara ini jikalau seorang Timbalan Menteri buat satu kenyataan dan kenyataan itu ada terikat kepada Perdana Menteri oleh kerana Perdana Menteri dalam hal ini jadi Menteri Dalam Negeri dan pendirian Timbalan Menteri ini ada terikat dengan Kerajaan dalam negara ini oleh kerana atas prinsip collective responsibility. Jikalau satu pendirian ada dibuat dengan umum, Kerajaan harus mengikut apa yang ada dicakap kepada umum. Apa yang ada di depan kita sekarang ini, Kerajaan Barisan Nasional bukan buat apa yang ada dicakapkan.

Oleh kerana itu, pagi ini saya ada hantar sepucuk surat kepada Yang di-Pertuan Agung untuk campur tangan dalam perkara ini oleh kerana perkara ini ada terlibat seorang rakyat asing. Oleh itu, jikalau hukuman sebat yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 27hb September, 1987 dan ada diconfirmkan oleh

Mahkamah Agung pada 21hb Ogos, 1989, jikalau hukuman itu ada dilaksanakan, ini terjadi satu keadaan di mana imej negara kita tentu menjejaskan dalam kacamata antarabangsa. Saya harap Kerajaan melalui Perdana Menteri kita boleh menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk meluluskan satu permohonan yang ada dibuat oleh saya pada pagi ini bagi pihak budak ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Larut. Tak ada. Parit. Yang Berhormat ada 15 minit.

4.14 ptg.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin (Parit):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya diberi peluang untuk turut bersama membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan tempoh hari.

Belanjawan ini merupakan satu Belanjawan yang realistik dan memberi perhatian kepada rakyat jelata dan juga kumpulan-kumpulan yang berpendapatan rendah, di samping memantapkan pertumbuhan ekonomi keseluruhannya. Ini merupakan Belanjawan ke arah persediaan kita mencapai negara yang lebih maju dan kita telahpun terbukti bahawa dasar-dasar kita yang telah dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam Persyarikatan, Pensewastaan, Pandang ke Timur, Proton Saga, meyakinkan lagi bahawa negara kita boleh mencapai tahap yang dihayati dalam Wawasan 2020.

Walau bagaimanapun, kita mengalami beberapa masalah dan juga rintangan, khususnya bagi petualang-petualang bangsa yang berplatformkan pertuhunan antarabangsa untuk mengutuk, memburukkan imej bangsa dan juga negara kita tanpa mengira implikasi terhadap pelaburan asing

yang akan dan yang sudah melabur di negara kita ini demi untuk kesejahteraan rakyat. Oleh yang demikian, saya mengutuk sekeras-kerasnya jika sekiranya lebih-lebih lagi pula terdapat ahli-ahli politik yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang durjana ini.

Saya metihat teks ucapan Yang Berhormat dari Jelutong semalam bahawa Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad membuat satu cubaan yang tidak berhasil untuk menghalau Raja-raja. Ini satu tuduhan yang tidak boleh dimaafkan. Beliau semenjak bila pula hendak menjadi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkara macam itu lak palut diucapkan.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Ini teks ucapan yang saya baca ini daripada Yang Berhormat dari Jelutong.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:**...mukasurat 123, Sepatutnya Yang Berhormat dari Jelutong tak boleh bercakap macam ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tak ada masa. 15 minit sahaja. Kalau 25 minit saya boleh beri, ini 15 minit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jikalau begitu, jangan buat satu tuduhan yang palsu.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Ini bukan tuduhan, ada dalam Hansard, mukasurat 123, baca!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya mahu penjelasan sekarang.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Penjelasan apa? Ini yang saya baca.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan, jikalau berani!

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tidak perlu. Saya tak beri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Saya tengok macam lidah buaya; satu ketika mahu menyaman Raja, satu ketika tak tahu cerita apa yang kita hendak buat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berkenaan dengan perkara itu bersangkutan dengan Peraturan 36 (11).

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Saya beralih pula kepada Bursa Saham Kuala Lumpur atau yang lebih dikenali dengan KLSE, merupakan organisasi terpenting dalam perkembangan ekonomi negara. Ia merupakan sumber pengumpulan modal dan pergerakan terkuat dalam kemajuan sektor perindustrian. Sebagai contoh, sehingga masa kini terdapat jumlah tabung ini sebanyak \$173.7 ribu juta. Ini merupakan tabung yang terbesar untuk perusahaan dan perindustrian negara yang melibatkan berbagai jenis industri, dari industri asas seperti getah, kelapa sawit, koko, bijih timah dan lain-lain lagi sehinggalah ke perusahaan berat dan berteknologi tinggi. Kita sendiri

perhatikan bagaimana perubahan yang mendadak kepada tahap teknologi dan juga perindustrian negara seiring dengan kemajuan dalam BSKL.

Bersama-sama ini juga saya sertakan jumlah bilangan pelabur. Bilangan pelabur yang terbanyak terdiri daripada perseorangan 94.9%, institusi 25%, nominee 2.5% dan lain-lain 1.1%. Kita lihat pula daripada jumlah yang dilaburkan oleh golongan-golongan yang disebut tadi, golongan institusi walaupun cuma 2.5% tetapi menyumbangkan pelaburan terbesar iaitu 4.5%, pihak nominee 3.5%, pihak perseorangan hanya 17.1% dan yang lainnya 1.5%. Contoh-contoh institusi yang tinggi jumlah pelaburannya adalah sebagaimana yang kita ketahui, PNB, KWSP, LTAT dan lain-lain. Kebanyakan institusi-institusi perusahaan ini dikawal secara langsung dan tidak langsung oleh Kerajaan, begitu juga pihak nominee yang kebanyakannya mewakili pihak korporat.

Saya telah menerima berbagai laporan dan aduan mengenai dengan BSKL dan ahli-ahlinya. Contoh baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan telah cuba membendung penyalahgunaan kuasa terhadap saham-saham keluaran baru bumiputera dengan memperketatkan lagi peraturan-peraturan terhadap warna bankdraft dan lain-lain lagi.

Sekian lama diketahui bahawa pihak bukan bumiputera dapat mengaut keuntungan yang banyak dengan menggunakan nama-nama bumiputera untuk mendapatkan saham-saham keluaran baru tersebut. Cara penipuan ini dilakukan mudah sahaja. Golongan bukan bumiputera ini diberi bayaran yang kecil kepada pekerja-pekerja bawahan mereka ataupun pergi ke kampung-kampung untuk mendapatkan nama penduduk-penduduk bumiputera yang tidak berpelajaran tinggi untuk membeli nama mereka bagi

mendapatkan saham-saham baru yang diperuntukkan untuk bumiputera. Mereka mendapat keuntungan dan mentertawakan perkataan "peruntukan bumiputera" untuk sekian lamanya sehinggalah tindakan wajar telah diambil oleh Menteri Kewangan yang baru.

Kini saya bangkitkan pula masalah yang masih wujud dalam ahli-ahli BSKL, iaitu syarikat-syarikat jual-beli saham. Antara aduan adalah cara ahli BSKL ini menggunakan bumiputera-bumiputera iepasan universiti dan ITM yang telah mendapat lesen wakil berniaga saham (dealer's representative) dengan cara memberi peluang kepada bukan bumiputera yang tidak berlesen berniaga saham menggunakan nama bumiputera tersebut yang berfungsi sebagai pendinding kepada kegiatan mereka. Kegiatan begini ialah diketahui meluas oleh hampir semua pihak kerana pihak-pihak lepasan universiti dan ITM ini telah membuat aduan dan perjumpaan serta surat-menyurat dengan badan-badan yang bertanggungjawab tetapi masih tidak berkesan.

Pihak siswazah bumiputera yang berlesen ini tidak dibenarkan membuka akaun atau mengurusniaga saham langsung tetapi pihak pelatih (trainee dealers) diberi kebenaran oleh syarikat untuk mengurusniaga dan membuka akaun pelanggan. Cara untuk mengesan kegiatan ini tidaklah susah dan saya serahlah kepada pihak yang berkuasa. Oleh itu, jelas dilihat penindasan di dalam urusan jual-beli saham di korporat-korporat ahli BSKL, bumiputera digunakan untuk mencukupi kuota syarikat, tetapi lesen mereka digunakan oleh orang lain untuk mengaut keuntungan. Oleh itu, badan-badan tertentu yang bertanggungjawab perlulah mengambil tindakan yang legas terhadap penyelewengan yang saya nyatakan tadi. Jikalau mereka yang menyeleweng ini tidak diusul periksa, mereka akan memberi nasihat

yang salah dan tidak bertanggungjawab kepada pelabur-pelabur. Industri-industri sekuriti akan lebih berorientasikan keuntungan tanpa haluan sebenarnya untuk tabung modal industri. Keyakinan, kepercayaan dan kestabilan industri seperti ini akan merosot jika sekiranya kita tidak kawal.

Jika diperhatikan ahli-ahli Jawatankuasa tertinggi badan-badan tersebut, kita akan dapati beberapa orang daripada mereka mempunyai syarikat jual-beli saham mereka sendiri dan juga merupakan Pengarah, Pengerusi dan terbabit sebagai pemegang saham terbesar di antara beberapa buah syarikat yang disenaraikan dalam KLSE. Saya rasa ini amat bercanggah kedudukannya di mana individu itu merupakan salah seorang yang mengetahui aktiviti pengawasan industri sekuriti dan pada masa yang sama ia sendiri mempunyai syarikat jual-beli saham sendiri. Mampukah individu ini menjalankan tugasnya mengawasi industri sekuriti ini sedangkan syarikat-syarikatnya sendiri patut dikenakan tindakan jika menyalahi undang-undang. Bagaimana jika syarikat-syarikat di mana ia menjadi Pengerusi atau Pengarah atau pemegang saham mengalami kesusahan dan palut dikenakan tindakan atau dikeluarkan daripada disenaraikan di Bursa Saham? Adakah mampu individu inimenjalankan tanggungjawabnya untuk menasihati Menteri Kewangan untuk tindakan yang sewajarnya? Ini pasti akan memalukannya dan individu ini juga telah dikaitkan dengan beberapa skandal di BMF Security.

Bayangkan apa yang akan difikirkan oleh pelabur asing apabila seorang yang sebegini diletakkan untuk mengawasi pelaburannya di KLSE. Ini akan menghalangkan keyakinan dan kemantapan terhadap pengurusan industri sekuriti di negara ini dan juga prestasinya di masa-masa yang akan datang. BSKL adalah satu-satunya

pelaburan yang mana walaupun pelaburannya mungkin kebanyakannya dari pelaburan asing, namun pengurusan dan perjalanan urusanniaga syarikat adalah terjamin dari warganegara ini dan kuasa terhadap syarikat tidak akan terlepas ke luar negara. Ini bukannya cara untuk menguruskan perniagaan bernilai \$170,000 juta.

Maka saya bersetuju dengan pihak Kementerian bagi mewujudkan Jawatankuasa yang dicadangkan oleh Kementerian baru-baru ini untuk memastikan sistem kuota yang dianjurkan dikendalikan dengan objektif agar kaum bumiputera benar-benar bertapak dalam industri sekuriti yang mana saya difahatkan hanya 16% sahaja penglibatan bumiputera dalam industri sekuriti ini. Itu belum lagi kita tanya dengan lebih dalam sama ada 16% ini semua penglibatan pengurusan juga adalah lebih kepada mengikut ekuiti bumiputera. Itu pun perlu juga diberi perhatian. Membuka lebih peluang untuk bumiputera meneroka dan menyertai industri ini dengan memastikan sistem kuota dikenakan kepada semua tahap pengurusan dan pekerja; memastikan kaum bumiputera yang menyertai bidang ini tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab; menyusun semula industri sekuriti dan kelima-lima badan dan ahli Jawatankuasanya supaya industri ini dikendalikan oleh mereka yang betul-betul peka dan tidak bercanggah dalam matlamat negara memajukan industri ini; dan memastikan bahawa suatu sistem yang seragam diwujudkan agar setiap wakilniaga, Pengarah, pekerja, ahli-ahli BSKL diberi dengan adil mengikut prestasi pekerjaan atau pencapaian mereka kerana ada keadaan di mana wakil niaga bumiputera dengan jumlah peniaga yang lebih besar daripada wakil niaga bukan bumiputera diberi gaji lebih rendah.

Akhir sekali saya ingatkan bahawa Bursa Saham adalah salah satu alat terbaik untuk memastikan matlamat Wawasan 2020 tercapai. Ia patut bebas dari celaan ataupun skandal-skandal.

Tuan Yang di-Pertua, berkisar pula ke Pusat Khidmat Kontraktor. Sebagaimana yang kita ketahui, isu besar kepada kontrak bumiputera dalam tahun 1987/1988, 85% hasil daripada zaman meleset ini, lesen kontraktor bumiputera digantung dan kesan yang negatif ini berlanjutan sehingga tahun 1989 dan juga 1990 dan setengah-setengahnya sampai masa kini, 1991. Peluang bumiputera disekat dengan tidak secara langsung dengan menggantung lesen kontraktor bumiputera ini dan kalau kontraktor bumiputera ini mengalami kesulitan dalam menjalankan kerja-kerja, PKK akan menggantung lesen kontraktor mereka dan selepas itu pihak Kerajaan menuntut gantirugi dari performance bond dan juga perbezaan harga dan kontraktor. Jadi, macam mana kontraktor bumiputera ini hendak bersaing jika sekiranya perkara-perkara ini terus berlaku?

Jadi, kataulah sekiranya perkara-perkara ini tidak dibendung, sesuai sangatlah Pusat Khidmat Kontraktor ini dipanggil "Pusat Ketuk Kontraktor." Dan lebih teruk lagi projek yang besar-besar seperti projek Perda, projek hospital, tidak ada peluang langsung untuk bumiputera. Kalau projek di Perda ini diberikan kepada kononnya partner bumiputera, tetapi tidak diberi hak yang sama untuk mengendalikan kerja-kerja di Perda ini, ini pun lagi mendukacitakan. Tak tahulah sama ada pihak Kementerian yang berkenaan ataupun pihak Pusat Khidmat Kontraktor ini juga boleh turut menyelesaikan masalah-masalah yang sedemikian rupa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin;** Minta seminit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seminit.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Yang lebih dahsyat, Tuan Yang di-Pertua, gagak-gagak hitam ini. Gagak-gagak hitam ini terbang berleluasa di Eropah dan mengaku mereka ini adalah wakil Kerajaan Malaysia dan macam-macam lagi. Jadi, tindak-tanduk gagak-gagak hitam ini yang mewakili Kerajaan Malaysia ini perlu dibendung dan perlu disekat. Bahaya, dan saya pernah mendengar daripada orang-orang yang berpengaruh, ketegangan di antara Kerajaan kita dengan British boleh berlaku disebabkan gagak hitam ini. Dan kerana gagak hitam juga, projek Desa Rhugagal, dan tidak payahlah saya huraikan banyak sangat bahagian gagak hitam. Bila saya sebut gagak hitam, faham yang fahamlah.

Begitu juga dari segi FELCRA. Di segi dasarnya, FELCRA ini cantik, tetapi dari segi pelaksanaan tidak dapat membantu rakyat jelata yang melibatkan diri dalam pelbagai rancangan, di sebaliknya meraih hutang yang berlipatganda, yang tidak sepatutnya. Yang ini rasa saya ada hubung-kait dengan pengurusan FELCRA. Saya syorkan supaya Kementerian yang berkenaan mengkaji semula pelaksanaan-pelaksanaan pengurusan ini supaya dapat membendung ke arah matlamat supaya peserta FELCRA ini menikmati, meraih \$200, \$300 sebulan. Ini hendak dapat \$100 setahun pun susah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Kedah.

4.32 *ptg.*

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1hb November yang lalu, saya ingin menghulurkan sanjungan dan tahniah kepada Yang Berhormat kerana berjaya membentangkan satu Belanjawan yang mempunyai pendekatan yang berani, positif, kreatif dan setimpal dengan keperluan masyarakat serta aspirasi rakyat dan negara, Saya menyifatkan Belanjawan ini sebagai titik permulaan yang kukuh menuju cila-cita mencapai matlamat Wawasan 2020. Keempat-empat strategi yang diumumkan iaitu memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan tanpa inflasi, mengukuhkan imbalan pembayaran, memupuk sikap cermat dan hemat dan mengukuhkan ketahanan ekonomi negara akan menjadi landasan pembangunan negara dalam jangka masa panjang yang menitikberatkan penyelidikan dan pembangunan latihan dan pembangunan infrastruktur selaras meningkatkan daya bersaing negara masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan untuk menarik pelaburan di sektor swasta terulamanya sektor industri amat memperangsangkan pada kebelakangan ini dengan penambahan pelaburan termasuk dari luar negeri. Saya berpendapat kajian semula galakan pelaburan adalah tepat pada masanya bagi menggalakkan industri yang bermodal intensif dan berteknologi tinggi dan canggih untuk lurus kekal melabur dan berupaya menyaingi di taraf antarabangsa. Dengan pertumbuhan industri sedemikian, negara akan bermanfaat dari segi peningkatan teknologi, penambahan gunatenaga yang mahir serta berupaya meningkatkan kemampuan eksport negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus menyedari bahawa dalam usaha mempertingkatkan sektor perindustrian, kita tidak boleh selama-lamanya

mengharapkan bantuan kepakaran daripada luar negeri bagi menampung keperluan perkembangan dalam sektor ini. Usaha-usaha bagi meningkatkan kepakaran teknikal dan pengetahuan semasa mesti dititikberatkan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kos pengeluaran serta meningkatkan keberkesanan dalam sektor ini. Dasar Kerajaan menambah lagi institusi pengajian vokasional dan teknikal sangat dialu-alukan bagi melahirkan tenaga mahir dan berkepakaran tinggi. Saya ingin mengesyorkan di sini mengenai lepasan sekolah menengah yang dahulunya tidak bcrpeluang mendapat latihan teknikal dan vokasional, yang sekarang ini sebahagian besarnya menganggur di kota-kota, diberi peluang latihan kemahiran untuk menyesuaikan mereka dalam pekerjaan di sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan adalah perkara yang lazim dibangkitkan, terutamanya mengenai projek perumahan terbengkalai, kesulitan mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan. Saya ucapkan syabas kepada Kerajaan kerana peka dengan keluhan orang ramai mengenai perumahan. Kawalan oleh Bank Negara untuk memastikan pinjaman perumahan kos rendah adalah selaras dengan hasrat Kerajaan membantu golongan yang berpendapatan rendah memiliki rumah. Tambahan pula, dengan membenarkan pengeluaran 10% dari caruman KWSP kepada pencazum-pencarum yang telah mendapat pinjaman daripada punca lain akan memudahkan lagi golongan berpendapatan rendah memiliki rumah.

Tuan Yang di-Pertua, umumnya kita tahu bahawa golongan berpendapatan rendah mempunyai anggota keluarga yang besar dan selalu rumah kos rendah yang dibina untuk mereka mempunyai ruang kecil dan tidak selesa. Saya mengesyorkan supaya bentuk rumah yang dibina di masa akan datang untuk

golongan ini diambilkira faktor yang dapat melahirkan suasana pembangunan keluarga yang baik dan berkualiti.

Saperkara lagi, Kerajaan perlu mengawasi perusahaan perumahan supaya hak pembeli dijaga serta membameras projek-projek perumahan daripada terbengkalai. Langkah-langkah mengawal pemaju perlu dititikberatkan agar masalah lama tidak berulang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan cadangan pihak Kerajaan untuk melahirkan manusia baru yang berkesesuaian dengan nilai-nilai dan cita-cita murni Wawasan 2020. Peruntukan sebanyak \$100 juta merupakan satu perbelanjaan yang tepat dan seharusnya mempunyai program-program yang tersusun bagi mencapai maksud itu. Saya menaruh kepercayaan bahawa pihak Kerajaan telahpun menyusun tindakan-tindakan yang akan dijalankan bagi melahirkan manusia baru ini. Bagi memberi kesan yang sepenuhnya, saya ingin mengingatkan Kerajaan supaya program-program dan tindakan-tindakan itu seharusnya melambangkan keperibadian dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Oleh itu, saya cadangkan segala program bagi meningkatkan semangat ini hendaklah merangkumi semua lapisan masyarakat tanpa mengambilkira kaum dan agama. Semangat ini juga perlu diasah di peringkat awal persekolahan. Umpama pepatah kita yang mengatakan "Kalau hendak melentur buluh mestilah dari rebungnyanya lagi." Yang pentingnya di sini ialah kita hendak mewujudkan golongan rakyat berwibawa, taat setia kepada negaradan mempunyai ketahanan mental dan fizikal bagi menghadapi cabaran Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup ucapan ringkas saya ini, saya sekali lagi menyaru Kerajaan supaya menumpukan sepenuh tenaga, usaha

dan fikiran agar bersungguh-sungguh ke arah mensejahterakan kehidupan rakyat dan negara. Saya yakin cabaran-cabaranyang menanti kita di masa depan akan menguji kelayakan kita sebagai pemimpin, kerana biar bagaimana baikpun sesuatu Belanjawan dibentang, ianya tentu tidak dapat memuaskan hati semua pihak. Jika kita sebagai pemimpin yang senliasa ikhlas dan bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara, maka tugas kita akan menjadi kenyataan.

Akhir sekali, segala cadangan dan strategi yang dibentangkandalam Belanjawan 1992 ini merupakan titik permulaan untuk negara maju seperti yang dimatlamatkan dalam Wawasan 2020. Saya menaruh penuh keyakinan bahawa Kerajaan pada masa ini berupaya memikul tugas menjamin kestabilan dan kemakmuran negara.

Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1992 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sandakan.

*4.40 ptg.*

**Tuan Lai Lun Tzee (Sandakan):** Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Belanjawan 1992 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengejutkan negara kita Malaysia akan menuju ke arah sebuah negara maju, seperti cita-cita yang diidamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Wawasan 2020. Kejayaan tersebut hanya dapat dicapai sekiranya mendapat sokongan penuh dan keyakinan daripada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pelajaran di negara kita adalah bersifat tidak terbuka, pembangunan sesebuah negara bergantung kepada rakyat yang berpelajaran, walaupun Kerajaan telah melaksanakan sistem pelajaran yang

teratur dari peringkat sekolah rendah ke peringkat sekolah menengah, tetapi peluang seseorang pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti ditentukan oleh sistem kuota. Sistem kuota bagi bumiputera dan bukan bumiputera ini telah menghadkan peluang pelajar-pelajar yang bijaksana dan pintar bagi melanjutkan pelajaran mereka. Semua lapisan rakyat tidak kira bangsa dan agama patut diberi peluang yang saksama bagi melanjutkan pelajaran mereka demi untuk menggalakkan pembesaran sumber kemanusiaan.

Saya berpendapat sekiranya kita ingin melihat negara kita menjadi sebuah negara yang maju dalatn segala bidang, sistem kuota patut dihapuskan bagi membolchkan pelajar-pelajar yang benar-benar berkebolehan akan diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Di samping itu Kerajaan patut mendirikan lebih banyak sekolah vokasional untuk melatih lebih ramai tenaga mahir.

Negara kita mempunyai lebih kurang 60 buah kotej swasta yang menawarkan berbagai bidang untuk dipelajari, walaubagaimanapun pihak Kerajaan tidak mengiktiraf setengah-setengah Diploma daripada kolej swasta ini. Contohnya Kolej Tunku Abdul Rahman.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah memuji keputusan cemerlang yang dicapai oleh pelajar-pelajar di Kolej tersebut. Di samping itu banyak universiti di luar negeri telah menerima Diploma daripada kolej swasta sebagai satu syarat bagi kemasukan ke universiti.

Pihak Kerajaan patut mempunyai pandangan yang jauh terhadap sistem pelajaran dinegara ini kcrana kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara sangat bergantung kepada pengetahuan dan pelajaran yang ada pada rakyatnya.

Mengikuti Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, langkah-langkah untuk mengurangkan cukai pembangunan 2% dan seterusnya dihapuskan pada tahun 1993, adalah dipuji bagi menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini, tetapi cukai perkhidmatan yang dicukai dengan lebih banyak adalah tidak wajar untuk orang awam kerana akhirnya juga ditanggung oleh rakyat kita.

Tuan Yang di-Periua, Kerajaan masih belum mengambil tindakan dan langkah-langkah yang tegas bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang-barang sejak kebelakangan ini. Di samping itu kedudukan Ringgit Malaysia di pasaran kewangan adalah rendah berbanding dengan dollar Singapura, Amerika Syarikat dan yen Jepun. Keadaan ini tidak dapat menghalang kenaikan harga barang-barang.

Walaupun kita dapat bersaing dalam barangan eksport tetapi kita terpaksa mengimport barang luar seperti bahan mentah untuk kilang mesin-mesin, alat-alatan dan sebagainya dengan harga yang tinggi. Ini menjadi satu punca bagi kenaikan harga barang-barang dan rakyat kita terpaksa menanggungnya. Keadaan sedemikian akan berterusan sekiranya keadaan Ringgit Malaysia masih tidak kukuh. Walaupun hutang luar kita telah berkurangan berbanding dengan 5 tahun yang lalu dan tinggal \$40 bilion, saya merayu kepada pihak Kerajaan agar memberhentikan atau mengurangkan pinjaman daripada luar negara dengan cara mengurangkan pembesaran dan memberhentikan kegiatan rasuah demi untuk menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara ini secara tidak langsung akan memperbaiki keadaan kewangan negara.

Saya berharap Malaysia pada satu masa yang akan datang tidak lagi mempunyai hutang luar seperti Jepun, Singapura dan Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan negara berbanding dengan Belanjawan dalam tahun 1992 menunjukkan satu keadaan defisit yang sebanyak S12 bilion. Pada masa yang sama, kedudukan kewangan organisasi awam semakin merosot dan angka defisit mungkin menjangka \$6 bilion. Untuk mengatasi keadaan ini daripada menjadi lebih teruk, pihak Kerajaan sedang merancang untuk menghentikan pembayaran hutang luar pada tahun ini, tambahan pula pihak Kerajaan akan bergantung kepada stok dan KWSP sebagai sumber kewangan. Oleh itu daripada analisa kita dapat perhatikan bahawa kedudukan kewangan pada tahun hadapan adalah tidak optimistik, kecuali pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan eksport, menarik lebih ramai pelabur asing, mengekalkan perlumbuan ekonomi yang pesat dan meningkatkan kedudukan ringgit Malaysia di pasaran kewangan. Kedudukan ekonomi akan menjadi lemah dan kadar pertumbuhan akan menjadi perlahan kerana kelemahan ringgit Malaysia kita, inflasi dan pengimportan barangan dari luar sepertimana yang ditunjukkan oleh Bank Negara. Keadaan menjadi bertambah teruk kerana pengimportan barangan luar pada masa kini telah mencapai angka \$2 bilion.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai banyak bahan mentah dan penduduk kita tidak melebihi 20 juta orang. Jika mengikut kepada keadaan yang tersebut di atas negara kita sepatutnya tidak mempunyai banyak hutang luar. Walaupun keadaan ini telah beransur pulih, tetapi kita masih ketinggalan berbanding dengan negara-negara seperti Taiwan, Korea Selatan, Jepun dan Singapura.

Saya mengambil contoh negara Singapura di mana walaupun negara tersebut tidak mempunyai bahan-bahan mentah semula jadi, kebijaksanaan kepimpinan dan adanya sumber tenaga mahir telah membawa negara jiran kita

menjadi sebuah negara maju bukan sahaja tidak mempunyai hutang luar, bahkan memberikan pinjaman kepada negara lain. Sesungguhnya negara kita mempunyai syarat-syarat yang baik untuk mencapai kemajuan ekonomi yang pesat sekiranya kita dapat mengekalkan kestabilan politik dan perpaduan kaum harusnya dipertingkatkan. Sekiranya negara kita kucar-kucir dan tidak aman tenteram, pelabur-pelabur asing tidak akan melabur di negara kita dan ini merupakan satu kerugian besar kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji kebijaksanaan Malaysia dalam pembentukan polisi luarnya. Kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita telah membolehkan kita berbaik dengan semua pihak dan ini mendatangkan banyak faedah ekonomi dan meningkatkan imej negara kita di peringkat antarabangsa. Nama Perdana Menteri kita semakin dikenali di peringkat antarabangsa dan merupakan salah seorang pemimpin yang amat disegani di dunia ketiga. Ini amat membanggakan negara kita amnya rakyat jelata.

Saya berpendapat bahawa sebagai sebuah negara yang terdiri daripada berbilang kaum, perpaduan antara kaum mesti disatukan untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang kukuh dan stabil demi untuk meningkatkan lagi imej negara di peringkat antarabangsa.

Saya menghormati ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini yang mana beliau menegaskan perselisihan antara kaum sudah tidak wujud dan saya berpendapat semua kaum di negara ini patut menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan

bahawa pendatang haram yang mengahwini warganegara Malaysia, anak mereka akan menjadi warganegara Malaysia secara automatik. Pengumuman ini adalah sungguh membimbangkan hati rakyat, kerana ini seakan-akan menggalakkan lebih ramai pendatang haram datang ke negara kita terutamanya di negeri Sabah kerana bilangan pendatang haram di negeri Sabah adalah sungguh membimbangkan, mungkin bilangannya adalah lebih ramai berbanding dengan rakyat Sabah. Sebelum masalah pendatang haram dari Indonesia dan Filipina ke negeri Sabah dapat diselesaikan lagi, pengumuman oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menampakkan kebimbangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menurut undang-undang, jika seseorang bukan warganegara Malaysia herkahwin dengan warganegara Malaysia, anak mereka boleh menjadi warganegara Malaysia jika salah seorang ibu atau ayahnya adalah seorang warganegara Malaysia tetapi ini tidak termasuk pendatang haram.

Setakat ini, masalah pendatang haram di negeri Sabah masih banyak lagi tetapi mereka masih dapat kerja dan tinggal di Sabah. Jikalau mereka berkahwin dengan warganegara Malaysia, anak-anak mereka akan menjadi warganegara Malaysia. Jadi, saya percaya tidak lama lagi bilangan orang-orang asing adalah jauh lebih ramai daripada bilangan orang-orang tempatan. Ini akan mempengaruhi bidang politik, ekonomi serta masyarakat.

Sebelum masalah pendatang haram di negeri Sabah diselesaikan, saya rasa pengumuman Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah tidak berpatutan dan jika beliau menarik balik pengumumannya, saya percaya boleh menenangkan hati rakyat..

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berasa kesal kerana pihak berkenaan sedang bercadang hendak menaikkan harga telefon dan elektrik. Jikalau cadangan ini diluluskan, ia pasti akan membebankan lagi rakyat terutama sekali akan mempengaruhi bidang perindustrian yang kini pesat maju di negara kita. Di samping itu, Kerajaan telah mengumumkan untuk merendahkan cukai termasuk cukai pembangunan kecuali cukai harta pesaka serta akaun-akaun simpanan bank dari \$10,000 hingga \$50,000 tetapi kenaikan harga telefon dan elektrik amat mengecewakan rakyat. Lagi pun Syarikat Telekom dan Lembaga Letrik telah untung tiap-tiap tahun. Saya harap Kerajaan akan mengambil berat terhadap perkara ini.

Kos telefon dan elektrik di negeri Sabah adalah lebih tinggi berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Jikalau kos harga dinaikkan sekali lagi, ia adalah tidak adil dan membebankan rakyat Sabah terutamanya yang akan memperolehi sektor perindustrian yang kini sedang pesat di negeri Sabah. Ini mungkin berpatutan jika mengambil langkah menaikkan kos harga jikalau Syarikat Telekom dan Lembaga Letrik mengalami kerugian besar. Sebaliknya mereka yang untung besar tetapi masih hendak menaikkan harga. Ini amat merugikan rakyat. Sekali lagi saya merayu Kerajaan supaya jangan membuat keputusan yang mengugusarkan rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dungun.

4.58 ptg.

**Tuan Haji Awang bin Jabar (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, memulakan ucapan pendek saya ini, saya ingin mengemukakan 13 points untuk diperhatikan oleh Kerajaan yang ada hubungan dengan Belanjawan negara kita untuk tahun hadapan.

(1) Saya ingin mencadangkan pengiktirafan kepada Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah diberi menerusi proses penambahan peruntukan dalam Perlembagaan Negeri-negeri dan bagi Wilayah Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan.

(2) Supaya diadakan satu bentuk penyelarasan antara Mahkamah Rayuan Syariah di negeri-negeri menjadi satu seperti Mahkamah Agung.

(3) Mewujudkan perkhidmatan kehakiman dan perundangan syariah yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

(4) Menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah Negeri dan bagi Wilayah Persekutuan oleh Kerajaan Pusat sama seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang mengikut Fasal 138 Perlembagaan Persekutuan.

(5) Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah hendaklah dilaksanakan dengan secara terbuka dan diletakkan pada tanggagaji yang selayaknya diterima oleh hakim.

(6) Untuk menjaga taraf Hakim-hakim Syariah ini perlulah bagi Penguasa Negeri memberi beberapa kemudahan kepada Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Ketua Hakim Syariah seperti kereta Kerajaan yang selayaknya, pemandu yang digaji oleh Kerajaan dan lain-lain kemudahan yang mereka berhak memilikinya.

(7) Bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah hendaklah disamakan seperti bidang kuasa jenayah Mahkamah Session, Section 64 yang bermakna "Muslim Court (Criminal Jurisdiction) Act 1984" hendaklah dipinda dengan memasukkan peruntukan untuk menjatuhkan hukuman had.

(8) Satu peruntukan baru hendaklah diwujudkan dalam Kanun Keseksaan atau Akta Kesalahan-kesalahan Kecil 1955, Act 336 bagi membolehkan hukum dibuat kepada orang bukan Islam yang bersubahat dengan orang Islam melakukan sesuatu kesalahan jenayah syariah.

(9) Menambahkan kakitangan di Mahkamah Syariah dengan secukupnya.

(10) Bangunan Mahkamah Syariah hendaklah dikemaskini dan hendaklah didirikan di lokasi yang strategik.

(11) Majlis Hakim-hakim Mahkamah Syariah hendaklah ditubuhkan di peringkat negeri bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan dengan Mahkamah Syariah.

(12) Suatu pindaan kepada Akta Polis 1967 dengan memasuk atau menambah setakat yang diperlukan apa juga perkataan atau ayat di mana-mana yang munasabah bagi membolehkan Polis diberi tugas di Mahkamah Syariah termasuk menjaga keselamatan dan lain-lain.

Yang akhirnya, yang ke (13). Bagi memperkemas lagi taraf kedudukan Mahkamah Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah masing-masing hendaklah mempunyai cop atau materai daripada jenis corak yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Belanjawan. Seluruh rakyat Malaysia menyambut baik Belanjawan 1992 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 1 November yang lalu.

Ternyata, Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1992 bukan sahaja mencerminkan kewibawaan Menteri Kewangan yang baru malahan ianya juga merupakan terjemahan keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional dalam membela nasib rakyat di negara

ini. Apa yang menarik ramai orang ialah Belanjawan 1992 dirangka bagi menghadapi cabaran-cabaran strategik dan menterjemahkan hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah negara Malaysia maju yang menjadi impian Wawasan akan lahir dengan dokongan sebuah masyarakat yang hidup di atas kekuatan akidah, kestabilan politik, ~~kesempurnaan aksesibiliti dan kesejahteraan~~ **kesempurnaan kesihatan dan keharmonian** masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini Kerajaan telah berjaya menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran dan berjaya pula melaksanakan syiar Islatn dengan mendirikan tempat-tempat ibadah dan menyambut hari-hari kebesaran Islam dan kejayaan inilah yang menjadi perisai yang boleh menjaga rakyat negara ini dari terjerumus ke lembah keruntuhan. Oleh kerana, insya Allah, 30 Uthun lagi kita akan berada dalam sebuah negara maju yang dipenuhi dengan seribu satu cabaran yang menyentuh sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan akidah dan keimanan rakyat di negara ini. Maka sudah tentulah benteng pertahanan kita perlu diperkukuhkan dan saya kira kalau selama ini kita hanya memberi tumpuan kepada soal-soal nilai dan syiar maka sudah sampailah masanya kita mula melihat kepada soal-soal dasar Islatn itu sendiri termasuk yang berkaitan dengan ekonomi dan perundangan Islam.

Pelaksanaan perundangan Islam boleh dilihat menerusi Mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh negara pada hari ini. Oleh kerana baru sekejap saya membuat 13 cadangan mengenai bagaimana kita hendak mempertingkatkan Mahkamah Syariah dalatn negara kita ini yang akan menjadi teras kepada kemajuan dalam mencapai Wawasan 2020 ini.maka sekarang saya akan

memberi justifikasi mengapa kita perlu kepada peningkatan Mahkamah Syariah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Mahkamah Syariah pada umumnya telah terabai di zaman penjajahan. Akibatnya Hakim-hakim Mahkamah Syariah telah diletakkan di bawah taraf yang sewajarnya lebih rendah daripada Mahkamah Majistret dan Hakim-hakim di Mahkamah Sivil.

Selain daripada bangunan Mahkamah liclak setara bahkan ada yang menumpang, kakitangan sokongan amat tidak mencukupi dalam menjalankan pentadbiran dan kekurangan alatan pejabat.

Dalam tahun 70an dan 80an usaha mempertingkatkan Mahkamah Syariah ini dibuat dengan bersungguh-sungguh, namun begitu masih ada perbezaan yang nyata antara Mahkamah-mahkamah Syariah dan Mahkamah-mahkamah Sivil. Umpamanya, struktur Mahkamah itu sendiri, Mahkamah Syariah menurut struktur yang ada sekarang adalah kesinambungan daripada warisan penjajahan British. Pada peringkat awal penjajahan British, Mahkamah Syariah berada dalam hiraki sistem Kehakiman negara. Keadaan ini lebih jelas seperti yang terdapat dalam Court Ordinance 1946 akan tetapi bidang kuasanya hanya tertumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam, perkahwinan dan perceraian.

Kadi-kadi dan Naib-naib Kadi dilantik oleh Sultan. Mahkamah Kadi mulai dipisahkan daripada struktur Mahkamah Awam apabila Court Ordinance 1948 diluluskan dan apabila negara kita mencapai kemerdekaan, Perlembagaan Persekutuan meletakkan Mahkamah Syariah sebagai Mahkamah Negeri seperti yang terdapat dalam Jadual Kesembilan 4 (a) tetapi ikatan ke atas keputusan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah masih tertakluk

kepada keputusan Mahkamah Syariah sehinggalah Perkara 121 Perlembagaan dipinda dalam tahun 1988.

Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan: "Dengan tidak menycntuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri atau Senarai Bersama". Jadual Kesembilan Senarai Kedua dalam Senarai Negeri ada menyenaraikan di antara lain mengenai keanggotaan dan penyusunan Mahkamah Syariah berlainan dari Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung.

Penubuhan Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah dan perlantikan hakim-hakim bagi mahkamah-makamah tersebut tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan negeri-negeri sungguhpun penubuhan Mahkamah Syariah dan perlantikan hakim-hakim adalah di bawah kuasa Negeri akan tetapi diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri bermula dalam tahun 1952. Pada amnya, cara penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri di negeri ini adalah sama iaitu mengandungi Mahkamah Peringkat Rendah, Mahkamah Peringkat Tinggi dan Mahkamah Peringkat Rayuan. Jika dibandingkan dengan struktur Kehakiman di peringkat Persekutuan iaitu Mahkamah Agung menunjukkan struktur baru Mahkamah Syariah ke arah yang indential, cuma di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah setiap negeri ada satu Mahkamah Rayuan Syariah dan sudah tentu akan terdapat banyak bilangan Mahkamah Rayuan Syariah di negara ini manakala satu sahaja Mahkamah Agung di seluruh negara.

Dan sudut taraf dan kedudukannya pula, Hakim mempunyai tanggungjawab dan tugas yang amat besar yang diamanahkan oleh Allah s. w. t. di dalam mentadbir dan menegakkan keadilan. Hakim atau Kadi atau Kadi Besar di negara kita ini dilantik mengikut peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak atau Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri yang berkenaan. Pada amnya tidak disebut syarat-syarat kelayakan bagi jawatan-jawatan tersebut. Apa yang diperuntukkan ialah tentang prosedur perlantikan pegawai-pegawai tersebut. Sebagai contohnya, di Terengganu, seksyen 28 (1) Enakmen Pentadbiran Hat Ehwat Agama Islam 1986 menyatakan Duli Yang Maha Mulia Sultan, bolch melalui pemberitahuan dalam Warta melantik sesiapa yang layak menjadi Pengerusi Mahkamah Appeal Syariah, Kadi Besar dan Timbalan Kadi Besar dan Kadi-kadi.

Di Kelantan umpamanya, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 seksyen 7 (1) menyatakan Kebawah Duli Sultan selepas berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri atau Jemaah Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Negeri, mengikut mana yang berkenaan, bolehlah dengan surat perlantikan yang ditandatangani olehnya dan dimeterai dengan mohornya, melantik Kadi Besar, Timbalan Kadi Besar dan beberapa orang Kadi Khas dan Kadi Jajahan. Seksyen kecil (2) menyatakan, semua perlantikan-perlantikan di bawah seksyen kecil (1), hendaklah disiarkan dalam Warta.

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat Enakmen Negeri-negeri yang berkenaan menjelaskan bahawa perlantikan Kadi Besar, Timbalan Kadi Besar dan Kadi-kadi adalah tertakluk kepada persetujuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan diwartakan di dalam Warta Kerajaan. Perlantikan itu, dibuat hanya kepada orang yang difikirkan layak, kecuali di Melaka dan Pulau Pinang perlantikan dibuat atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dalam amalannya, kelayakan seseorang itu ditentukan oleh satu peperiksaan bertulis atau temuduga, tidak pula disyaratkan bagi calon-calon tersebut mempunyai ijazah dalam bidang tertentu. Gaji kebanyakan Hakim masih ada di dalam mata tanggagaji biasa iaitu A22 manakala dari segi bidang kuasanya pula terdapat jauh perbezaan dengan Mahkamah Sivil, Mengikut Perlembagaan, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam.

Muslim Court (Criminal Jurisdiction) (Amendment) Act 1984 pula menyatakan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara keselamatan jenayah yang boleh dihukum penjara selama tiga tahun atau denda \$5,000 atau sebat enam kali atau mana-mana kombinasi tersebut, dan hal ini menampakkan bidang kuasa jenayah yang diberikan kepada Mahkamah Syariah adalah lebih rendah daripada bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Majistret Kelas 1. Akta Mahkamah Rendah seksyen 85 memperuntukkan, saya quote:

"Seorang Majistret Kelas Satu hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala kesalahan yang tempoh maksimum penjara yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak melebihi 10 tahun penjara atau yang boleh dihukum dengan denda sahaja";

Seksyen 87 (1) pula memperuntukkan, saya quote:

"Seorang Majistret Kelas Satu boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang tidak melebihi:

- (a) 5 tahun penjara;
- (b) denda sebanyak \$10,000;
- (c) sebat sebanyak 12 kali; atau

(d) apa-apa hukuman yang menggabungkan mana-mana daripada hukuman-hukuman yang tersebut dahulu".

Jika dibandingkan dengan bidang kuasa jenayah Mahkamah Sesyen akan kedapatan perbezaan yang jauh.

Akta Mahkamah Rendah, seksyen 63 memperuntukkan Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala kesalahan melainkan kesalahan yang boleh dihukutn dengan hukuman mati. Seksyen 64 memperuntukkan Mahkamah Sesyen boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang melainkan hukuman mati. Adapun peruntukan-perunmkan yang ditunjukkan di atas dengan nyata menunjukkan taraf Mahkamah Syariah masih belum setara dengan Mahkamah Majistret Kelas Satu.

Seperkara yang perlu diingatkan, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah ialah bidang kuasa jenayah ke atas orang yang bukan Islam yang bersubhat dengan orang Islam melakukan kesalahan jenayah syariah. Undang-undang yang ada sekarang tidak memberi apa-apa kuasa kepada Mahkamah Syariah. Secara amnya, apabila diperhatikan kakitangan Mahkamah Syariah pula adalah tidak mencukupi dan kadang-kadang tidak selaras di antara satu negeri dengan negeri yang lain,

Selain daripada Mahkamah Syariah memerlukan bangunan yang sesuai dan lengkap dan berada di dalam lokasi yang strategik, Mahkamah Syariah juga memerlukan kawalan keselamatan khususnya daripada pihak Polis. Melihat kepada tugas-tugas am Polis, Akla Polis 1967 seksyen 23 menyatakan:

(a) menangkap semua orang yang diberikuasa oleh undang-undang menangkap;

(e.) menghadiri Mahkamah Jenayah dan jika diperintah dengan khas Mahkamah Sivil dan mcnjaga ketenteraman di dalamnya;

(f) melaksanakan saman, sapina, waran perintah, mempenjaradan proses-proses lain yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang competent;

di mana di dalam peruntukan ini tidak dijelaskan secara nyata akan tugas Polis di Mahkamah Syariah.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, maka pada mula-mula perbahasan saya tadi, saya mencadangkan supaya 13 points ini dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan Mahkamah Syariah dalam negara ini yang akan menjadi paksi kepada perundangan Islam, yang akan menjadi teras kepada penghayatan Islam untuk kehidupan rakyat dalam negara kita dalam tahun 2020.

Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bachok. Yang Berhormat dari kawasan mana?

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Kuala Krai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kuala Krai, saya tidak berapa nampak tadi.

5.10 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di alas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama dalam membahaskan ucapan sulung Belanjawan 1992 yang lelah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang dikasihi.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai nada dan lagu telah diperkatakan dalam Dewan yang mulia ini. Puja-puji,

sanjungan yang tidak terhingga, manis bagaikan madu. Begitulah adat lumrah alam, dipuji pada yang kasih, dikeji pada yang benci. Mudah bertukar bila berlain bulu.

Tuan Yang di-Pertua, wang begitu banyak, pertambahan demi pertambahan mengikut pertumbuhan suasana dan keadaan pengguna semasa ke semasa. Saya turut gembira bila mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan mahukan berjimat-cermat dan jauhi dari pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, ianya tidak akan berjalan lancar sekiranya orang-orang yang mengutarakannya itu tidak mengerti sepenuhnya apakah sebenar pembaziran itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa contoh di sini. Semasa PAS memerintah Kelantan dulu, 27 rancangan tanah telah dibuka dengan nama RKTN. Bermula dari peneroka 200 hinggalah ke 300 orang peneroka, tiap-tiap satu rancangan hanya diletakkan seorang Pengurus Rancangan. Alih-alih bila PAS dikalahkan, maka urusan rancangan bertukar tangan, diambilalih oleh Kerajaan Barisan Nasional lalu ditambah pengurusannya sampai 13 orang Pengurus. Bermacam-macam jawatan disebut tetapi hasil pendapatan peneroka tidak bertambah, bahkan lebih menurun. Bila sampai masa tanam semula, KESEDAR hanya tunjuk tempat, yang mengendalikannya ialah RISDA.

Dalam masatah pembangunan dalam kawasan KESEDAR pula masih dalam suasana yang lama. Apakah mereka ini tidak pernah melaporkan kepada pihak yang berkenaan? Beberapa jalan utama belum disempurnakan apa lagi ditar terutama jalan yang boleh menghubungkan bandar-bandar yang berhampiran seperti Kuala Krai. Di antara rancangan-rancangan tersebut ingin saya bilang:

- (1) Rancangan Tanah Batu Mengkebang;

- (2) Rancangan Tanah Sungai Pas;
- (3) Rancangan Tanah Cucu Puteri;
- (4) Rancangan Tanah Temalir;
- (5) Rancangan Tanah Cenulang;
- (6) Rancangan Tanah Bahagia; dan lain-lain lagi.

Bila ditanya—tidak ada peruntukan! Alih-alih baru-baru ini keluar dalam akhbar bahawa peneroka tidak mahu kepada kemajuan. Saya ingin tahu, peneroka kawasan manakah tidak mahu kemajuan? Apakah dia siuman atau tidak siuman?

Tuan Yang di-Pertua, wang yang diperuntukkan dihantar balik, kata Pengurus Besar di Gua Musang. Apakah mereka tidak pernah melihat bila sampai musim tengkujuh hingga memutuskan hubungan anak-anak ke sekolah. Rancangan Tanah Batu Mengkebang—Sungai Pas, lebih kurang 13 kilometer sahaja dari bandar Kuala Krai. Di sana ada sebuah sekolah menengah kebangsaan. Di sana ada sebuah sekolah menengah agama. Di sana ada dua buah sekolah rendah kebangsaan. Di sana ada sebuah pondok potis. Di sana ada sebuah klinik desa. Hinggalah kini masih belum mendapat jalan yang sempurna, apa lagi tar. Talian telefon hanya ada dua sahaja. Bila saya membuat permohonan, tidak ada peruntukan tambahan, katanya. Kadang-kadang sehari boleh diguna, tiga empat hari terputus.

Tuan Yang di-Pertua, pernah di suatu masa dulu Pengerusi Bank Dunia, kalau tidak silap saya MacNamara, membuat lawatan rasmi melalui helikopter dan memuji kerajinan peneroka walaupun tidak ada sebarang kemudahan asas pada masa itu berjaya meluluskan usaha pertanian mereka. Dan kalau tidak salah saya juga pada tahun 1989 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat lawatan rasmi

menunaikan sembahyang Jumaat bersama-sama dengan peneroka atas jemputan Wakil Parlimen pada masa itu. Entahlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu atau tidak tahu di sana ada jalan berlopak-lopak, tinggi rendah, becak di sana-sini. Para peneroka berdo'a supaya Yang Amat Berhormat melalui jalan tersebut sehingga ada di antara penyokong-penyokong PAS sanggup menurunkan "bulan-bulan" di tepi jalan supaya mudah laluan Perdana Menteri, takut-takut melihat bulan itu menjadi suasana yang lain. Tetapi sayang, sejauh 13 kilometer perjalanan Yang Amat Berhormat itu, beliau naik helikopter!

Berkenaan hal ini saya cadangkan supaya Kerajaan Pusat membuat analisa dan kajian semula di atas kemajuan KESEDAR ini. Jangan hanya maju di atas kertas, berjaya di atas meja bulat tetapi tidak seperti yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan bahaya rasuah. Ianya bukan diukur sedikit atau banyak, tetapi padahnya amat buruk. Oleh yang demikian, berilah ruang yang luas serta kuasa yang mutlak kepada badan yang bertanggungjawab dalam hal rasuah supaya dapat dihadap ke meja pengadilan kerana itu adalah hak rakyat tanpa sekatan di tengah jalan. Jangan-jangan penyelewengan wang surau dan mesjid pun akati dibela sekejap lagi. Allah berfirman, maksudnya "Bertolong-tolonganlah kamu ke atas jalan kebaikan, dan jangan sekali-kali kamu bertolong-tolongan di atas dosa dan perkara-perkara yang maksiat."

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ulangi apa yang telah disebut oleh kawan-kawan saya, rakan-rakan saya terutama dari pihak Pembangkang. Anggaplah teguran dan kritikan kami adalah semata-mata ingin melihat kebahagiaan sejagat. Kita manusia sama-sama ada kelemahan.

Rasulullah s. a. w. pernah bersabda, yang bererti: "orang-orang mukmin sama-sama mukmin yang lain samalah seperti tubuh sebatang. Apabila sakit satu anggota maka seluruh yang lain turut sama merasai sakit." Apakah Kerajaan Pusat merasa terlepas daripada soalan di akhirat nanti di atas *kewajipan-kewajipan*, tanggungjawabnya, mundur-majunya senang-susalnya rakyat negeri Kelantan. Sebuah syair yang bererti: "jangan engkau berlaku zalim apakala engkau diberi kuasa. Ingatlah, bahaya zalim itu akan membawa kepada penyesalan. Tidurlah matamu tetapi orang yang dizalimi tetap tidak akan tidur, merayu kepada Allah dan Allah tidak akan tidur selama-lamanya."

Tuan Yang di-Pertua, negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang bilangan orang-orang Melayunya miskin. Budaya orang Kelantan adalah rajin bekerja. Kalau baja tidak diberi, saya bimbang ianya akan berubah sedangkan kita manusia bergantung-paut antara satu sama lain, tumpang-menumpang. Yang berkuasa memberi bantuan dan pertolongan kepada yang lcrnah, yang lcrmah pula bekerja keras untuk kesenangan semuanya. Kalau tidak ada petani yang membanting tulangnya di mana sesuap nasi yang kita makan. Kalau tidak ada nelayan yang menempuh gelombang, lautan yang dalam, di mana ikan sebagai lauknya. Kalau tidak ada rakyat mengundi, di mana wakil rakyat dan menterinya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah tidak adil kalau saya sebutkan di sini. Sepatutnya Kerajaan Pusat berilah sama rata peruntukan wakilwakil rakyat wataupun dari Pembangkang seperti saya ini dan kawan-kawan saya juga, peruntukan Parlimen seperti Ahli-ahli Parlimen lain. Itulah dinamakan demokrasi yang sejati. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat pihak Kerajaan dipilih oleh rakyat, maka apa kurangnya kami sebagai Pembangkang juga dipilih oleh rakyat juga.

Tuan Yang di-Pertua, alangkah baiknya bila kita ada kuasa yang lebih kita membahaginya mengikut kadar yang sepatutnya mengikut pendapat masing-masing supaya kita tidak disebut zalim dan tidak adil dan sebagainya oleh generasi-generasi yang akan datang.

Saya mengikuti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam majlis perasmian baru-baru ini. Kalaulah pisau ditangan pembunuh, ia membawa akibat yang buruk. Berbeza dengan pisau di tangan doktor, ianya akan membawa manfaat yang baik. Kalau itulah prinsip Yang Amat Berhormat, sudah tentu Kelantan akan dapat sama hak seperti negeri-negeri lain, kerana Perdana Menteri kita sekarang doktor orangnya, cuma pisau yang mana di tangannya, entahlah. Insya Allah, kita berdoa semoga kata-kata mesti dikotakan.

Pirman Allah s. w. t. yang bermaksud: "bukan senang menolak dalih, kerana setiap yang dilafazkan itu dari sebarang perkataan baik kecuali di sisi Allah dicatit oleh Atid dan Raqib.

Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 boleh dikatakan sebagai program urutan Dasar Ekonomi Baru. Bersesuaian dengan slogan baru ini, Kerajaan Pusat telah menggariskan beberapa aspek termasuklah pembangunan belia. Majoriti jumlah penduduk negara kita adalah golongan belia. Mereka adalah pewaris negara ini. Corak masa hadapan negara yang baik ditentukan oleh persediaan golongan belia masa kini untuk menghadapi masa depan yang mencabar. Oleh yang demikian, janganlah belia ini didedahkan kepada mereka dengan budaya-budaya luar yang tidak lagi menghormati budaya-budaya timur dan ajaran agama masing-masing. Mereka dilekakan dengan budaya-budaya Barat yang Barat pun telah bosan dan meluat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini menjadi bertambah parah apabila media massa turut sama, baik video, baik televisyen, majalah hiburan dan iklan-iklan yang jelas menggalakkan budaya kurang sihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang patut dipersalahkan dan dipertanggungjawabkan. Kementerian manakah yang memikulnya? Rasullullah s. a. w. pernah bersabda—bermaksud "Sesiapa yang tidak menghormati orang tua di kalangan kita dan tidak mengasihi orang-orang yang kecil di kalangan kita, maka dia bukan daripada umatku".

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Kementerian berkenaan bersungguh-sungguh ikhlas berusaha, terutama membanyakkan seminar-seminar mengenai belia dan kewajibannya. Kedua, majlis-majlis ilmu merupakan amalan yang menyeluruh diwajibkan ke atas yang berkenaan dari atas sampailah ke bawah. Ianya diatur sampai berkesan. Sebarang kesalahan yang dilakukan oleh golongan bawahan janganlah sampai bertimbun dan sampai sukar diubahi. Dataran Merdeka diisi dengan majlis-majlis ceramah agama sepertimana pada bulan Rabiul'awal baru-baru ini, penceramah luar diundang bukan hanya sekali bahkan seberapa banyak yang mungkin. Kalau tidak ada penceramah, mungkin penceramah PAS pun boleh diundang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah hukum, mungkin kita tersalah faham atau sengaja membuat salah faham. Contohnya, dalam hal aurat mengikut Islam. Bila Kerajaan Negeri Kelantan akan melaksanakannya dalam tahun 1992, ada akhbar mengambil peluang dengan mengatakan orang-orang bukan Islam juga terbabit sehinggalah terpaksa Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan mengarahkan supaya dialog-dialog terbuka diadakan untuk menerangkan hakikat yang

sebenarnya kepada orang-orang yang bukan Islam. Alhamdulillah, petanda baik telah terbayang. Sama jugalah dengan isu wanita kerja malam, ada akibatnya. Di akhir-akhir ini Alhamdulillah, banyak pula yang menyokongnya, bila berlakunya seorang yang menyamar sebagai Pegawai Polis lalu merogol di Kuala Lumpur ini, baharulah berbagai-bagai pendapat dalam akhbar menyatakan wanita tidak harus keluar malam kecuali terjamin keselamatannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana pernah berlaku di zaman Rasulullah s. a. w. semasa pengharaman zina didedahkan, bangun seorang lelaki dengan suara yang lantang berkata - "Ya Rasulullah, lain dari zina saya sanggup meninggalkannya tetapi kalau zina - tidak, ya Rasulullah". Rasulullah dengan penuh merendah diri memanggil lelaki itu ke hadapan dengan senyum seraya berkata, "Wahai lelaki, apakah engkau suka kalau adik perempuan engkau dirogol?" "Tidak - Ya Rasulullah". "Apakah engkau suka kalau kakak engkau dirogol?". "Tidak - Ya Rasulullah", "Apakah engkau suka kalau emak engkau dirogol?". "Tidak - Ya Rasulullah". "Apakah engkau suka kalau emak saudara engkau dirogol?". "Tidak - Ya Rasulullah". "Apakah engkau suka kalau isteri engkau dirogol?". "Tidak - Ya Rasulullah". Maka begitulah juga orang lain. Orang yang engkau zina itu anak orang, isteri orang, emak saudara orang, adik-beradik orang, kakak orang dan sebagainya. Lalu lelaki itu bangun, "Hari ini, ya Rasulullah, akulah orang yang paling benci kepada zina". Inilah uslub dakwah yang diajar oleh Islam - bukan menekan, bukan memaksa sesiapa, tetapi kewajipan dipertanggungkan ke atas kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah sedikit lagi iaitu berhubung dengan ucapan Yang Berhormat dari Macang. Tetapi hari ini dia tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Satu minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Setengah minit.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Satu minit sahaja. Saya berterima kasih di atas ucapan dari Macang yang mengatakan Menteri Besar Kelantan membawa tempurung dan guni buruk meminta sedekah kepada Kerajaan Pusat. Ini satu ucapan yang tidak manis, tetapi kalau di luar Dewan ini, saya kata satu "ucapan yang biadab". Saya rasa tidak sepatutnya ia disebutkan di dalam Parlimen iaitu Dewan yang mulia ini. Setahu saya Tuan Guru Nik Abdul Aziz datang minta pun bukan untuk dia. Kalau untuknya tidak mungkin. Apakah dia minta untuk orang yang lain. Gajinya dipotong 45% sebulan. tiap-tiap bulan. Berita baru-baru ini, dalam banyak-banyak penerimaan gaji tersilap masuk duit sewa rumah \$3,000 sebulan, sedangkan dia tidak duduk di JKR 10. Dengan air mata, Menteri Besar Kelantan melayu di hadapan pemimpin-pemimpin Kerajaan semasa membuat majlis tamrin di Kem Kijang. Beliau mengarahkan kepada Setia-usahnya supaya dipotong gajinya tiap-tiap bulan, sebanyak \$39,000 potongan yang akan dibayarnya. Itulah sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Larut.

5.26 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana

dapat peluang berucap di Dewan yang mulia ini berhubung dengan pembentangan Belanjawan 1992 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia bagi kali pertamanya, dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas satu belanjawan yang bertujuan bagi menolong semua masyarakat termasuk Pembangkang bagi kesinambungan kasih sayang, the caring society, dengan izin.

Justru itu bolehlah saya ibaratkan belanjawan tahun ini iaitu tahun 1992 adalah belanjawan, the loving society. Saya mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan yang kita kasihi itu dan semoga sentiasa mendapat taufik dan hidayah dari Allah s. w. t. Semua aspek telah dikaji dan dihalusi dalam usaha membentuk satu Belanjawan yang kemas guna memberi kesenangan kepada semua rakyat dari semua kaum walaupun DAP dan lain-lainnya tidak bersetuju. Kalau kita mengkaji ucapan Ketua Pembangkang, saya rasa ianya membangkitkan soal remeh-temeh, trivial, dengan izin, dan ucapannya mengenai Belanjawan amatlah pendek jika dibandingkan dengan ucapan-ucapannya pada berpuluh-puluh tahun dahulu dan tahun yang sudah sejak ianya menjadi Ahli Pembangkang. Ini menunjukkan bahawa ianya tidak ada apa-apa modal baru lagi untuk berucap, apatah lagi setelah kalah licin dalam pilihanraya di Sarawak baru-baru ini, hanya ia terpaksa berucap untuk mencari publisiti murah dan political mileage, dengan izin, yang murah juga dengan menggunakan masa di Parlimen ini.

Ini bermakna Ketua Pembangkang dan pembangkang semua tidak berdaya lagi di Dewan ini untuk membawa isu-isu baru yang mana diharapkan sebagai constructive, tetapi ianya lidak memberi apa-apa kesan.

Bagi Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pula dan lain-lainnya, mereka mengatakan bahawa Rancangan

Jangka Panjang dan Wawasan 2020 adalah kitab baru yang bernama DPN setelah kitab lama yang bernama DEB telah dinasakhkan mati tidak berkubur pada tahun sudah. Ini adalah satu perasaan dan sentimen yang tidak betul dan ia kononnya telah menafikan segala kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang mana ianya juga sama-masa menikmati pencapaian itu. Adalah keterlaluan bagi semua pembangkang-pembangkang, termasuk dia yang memperkatakan hal yang demikian.

Walau bagaimanapun, kalaulah teguran-teguran Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa khasnya teguran ikhlas, insya Allah Perdana Menteri dan saya akan memberi pertimbangan. *(Tepuk)*

Saya amatlah mengesali Ahli-ahli dari Kok Lanas dan Jelutong yang telah menuduh bahawa Persidangan Agung UMNO telah menghina Raja-raja Melayu. Yang sebenarnya, UMNO tidak pernah menghina mana-mana Raja-raja Melayu. Dalam hal ini, boleh kita rujuk kepada ucapan Perdana Menteri bila menggulung persidangan pada petang Ahad yang lalu. UMNO sayang kepada Raja-raja dan memang taat kepada Raja Berperlembagaan. Ini adalah terpampang di dalam Perlembagaan UMNO yang mana ditiru oleh Semangat 46. Walau bagaimanapun, saya suka beritahu di sini bahawa tidak seorang pun orang-orang Melayu di dalam UMNO ataupun orang-orang Melayu di luar UMNO yang pernah menyaman mana-mana Sultan di dalam sejarah Tanah Melayu dan Malaysia ini.

Saya menyarankan supaya pihak Pembangkang janganlah pandai-pandai mengeksploitasikan Persidangan UMNO dan berharap benar-benar memahami dengan sebenarnya kehendak UMNO, Persidangan UMNO, yang mana tidak sekali-kali menghina mana-mana Raja di tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan pula, saya suka menyarankan di sini bahawa masih banyak pembangunan yang belurn ada di kawasan terpencil seperti di kawasan saya (Larut) umpamanya, pembangunan-pembangunan yang besar tidak ada, kerana saya rasa Larut adalah lebih ulu lagi jika dibandingkan dengan kawasan Nilam Puri. Saya berharap, justeru itu Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan-peruntukan yang ada membawa industri-industri ke Larut, sama ada industri kecil ataupun industri besar.

Saya juga menyeru supaya Kerajaan mencadangkan supaya sebuah cawangan universiti dibina, yang sesuai ialah universiti pertanian. Menteri Pertanian tahu benar-benar kawasan Larut, lebih-lebih lagi Setiausaha Parlimen yang mana pernah menjadi Pegawai Dacrah di Selama sebelum ianya berkecimpung di dalam arena politik,

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya juga banyak ladang-ladang estet. Dalam lawatan-lawatan saya sendiri dan tawatan-lawatan saya dengan Menteri Sumber Manusia, kedapatan bahawa majikan-majikan masih mengabaikan tempat-tempat kediaman pekerja-pekerja estet. Terdapat tempat-tempat kediaman mereka lebih buruk dari kandang kambing ataupun kandang lembu, lebih kurang seperti tempat-tempat kediaman orang Maori di New Zealand yang mana Ahli dari Nilam Puri lebih tahu tentang hal ini. Dia pun macam Maori juga,

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini, perumahan-perumahan di estet-estet sebagaimana yang saya lihat sendiri amatlah menyedihkan dan Timbalan Menteri sendiripun telah memberi banyak arahan supaya mereka mengambil tindakan keras ke atas majikan-majikan yang mengecewakan undang-undang dan tidak ambil berat atas nasib pekerja-pekerja mereka. Saya

harap Kementerian berkenaan dapat mengambil tindakan keras terhadap majikan-majikan yang tidak menunaikan kewajipan mereka mengikut undang-undang yang ada. Jika sekiranya undang-undang yang ada tidak mencukupi, undang-undang buruh itu juga perlu dipinda dengan serta-merta.

Saya suka menekankan di sini bahawa dalam pertumbuhan ekonomi yang pesat ini, tidakkah majikan-majikan memahami bahawa kita kekurangan pekerja-pekerja? Apakah akan jadi kepada ladang-ladang ini sekiranya pekerja-pekerja akan lari pergi keluar bagi mengejar kehidupan yang lebih mewah di bandar-bandar yang tidak ada nyamuk ataupun pacat seperti di Nilam Puri?

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai Belanjawan canggih, mampan, caring dan saya tambah lagi, loving, tetapi caring dan loving ini tidak langsung dipedulikan oleh kapitalis-kapitalis estet yang ada di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semua peruntukan yang dibentangkan di dalam Belanjawan ini adalah sesuai dengan masa dan adalah merupakan Belanjawan yang terlampau baik yang diketarakan oleh Menteri Kewangan itu. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya menyeru perbelanjaan-perbelanjaan bagi luar bandar dapat dilaksanakan dengan segera dan Kerajaan mestilah mengawasi supaya tidak ada penyelewengan daripada mana-mana pihak sama ada Kapitan Cina ataupun bukan Kapitan Cina.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil perhatian di sini bahawa kebanyakan pelaksanaan rancangan itu tidak dapat ditunaikan dalam masa yang ditetapkan. Ini adalah oleh kerana, saya rasa, tidak ada tanggungjawab yang penuh bagi setengah-setengah pegawai-pegawai Kerajaan, yang mana dipertanggungjawabkan.

Mereka mestilah faham bahawa mereka juga mesti bersimpati dengan rakyat dan orang-orang kampung, kerana orang-orang kampung juga mengeluarkan hasil.....

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu (Nilam Puri):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Nilam Puri bangun, bolehkah beri jalan?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Masa tak cukup.

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tapekah ucapan dalam Parlimen? Adakah dia tape ucapannya?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tak tape pun. Saya tidak tape.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menghargai bahawa orang-orang kampung juga perlu kepada hidup yang mewah dengan pelaksanaan projek-projek yang besar itu dan mereka juga mengeluarkan hasil dan cukai bagi membayar gaji-gaji pegawai-pegawai Kerajaan dan seterusnya membanyakkan lagi hasil bagi Kerajaan. Saya menyeru supaya semua Kementerian berkenaan memberikan kursus-kursus kesedaran ataupun kursus sivik yang lebih giat lagi kepada setengah-setengah pegawai mereka supaya mereka mengetahui bahawa segala pangkat, harta, rumah dan gaji serta kekayaan yang mereka dapat itu adalah hasil daripada perjuangan Barisan Nasional, khasnya perjuangan UMNO. Biarlah mereka menyedari hakikat ini dan menghargai kestabilan politik, walaupun sese.tengah mereka benci kepada politik, kerana akhir-akhir ini ternyata setengah-selengah pihak yang

berpangkat tinggi ada pernah berkata, dengan izin:

"I don't care what politicians think. I don't do work for politics, go to hell with politicians."

Perkara ini bahaya jika diperkatakan oleh orang-orang yang berknaan. Pegawai-pegawai Kerajaan memang ramai di setiap kawasan pilihanraya, kalau Ahli Parlimen ada seorang, ADUN mungkin dua-tiga ataupun empat, pegawai-pegawai Kerajaan lebih ramai daripada wakil rakyat di tiap-tiap kawasan Parlimen. Pegawai Nyamukpun pegawai Kerajaan, Penghulu-penghulu pun pegawai Kerajaan, Pegawai Banci pun pegawai Kerajaan, pekerja-pekerja Majlis Perbandaran pun pegawai Kerajaan. Tidaklah pula semua yang demikian. Kalaulah ada setengah dari mereka yang bersifat demikian, saya rasa mereka perlulah pergi ke kursus sivik yang lebih tinggi daripada INTAN dan kalau mustahak kita bolch hantar mereka pergi ke England.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghatar:** Penjelasan. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Larut tadi merungut tentang terdapat setengah-setengah pegawai Kerajaan yang tidak suka kepada ahli-ahli politik. Jadi, saya hendak tahu di kawasan Larut itu berapa ramaiakah pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak suka kepada ahli-ahli politik, khususnya kepada Hon'ble Member of Parliament di sana?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Susah hendak menjawab soalan ini, terutama yang bersifat seperti saya. Keadaan saya, semua orang suka pada saya. (*Ketawa*) Yang menjadi masalahnya di kawasan-

kawasan Parlimen lain, yang mana saya bersimpati, yang dikatakan ada Pegawai Daerah tak menolong mereka, Tok Penghulu kuat PAS dan macam-macam. Jadi, masalah ini tidak timbul di Larut dan kalau timbul pun saya rasa tidak seketara seperti di tempatan-tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya apabila kita membincangkan Wawasan 2020, sebenarnya kita membincangkan masalah kebangkitan dan kesejahteraan generasi muda kita di masa akan datang. Apabila kita membincangkan masalah generasi muda, pastinya kita tidak boleh lari dari bertanggungjawab kepada golongan belia di negara ini. Perkara ini relevan menurut perangkaan 1980, sejumlah 46% daripada penduduk Malaysia adalah dalam lingkungan umur 15 hingga 40 tahun.

Tuan Yang di-pertua, menurut "Lampiran B" dalam makalah Dasar Belia Negara, terbitan Kementerian Belia dan Sukan, sumbangan golongan belia terhadap pembangunan negara amat penting. Dan oleh itu, pembinaan mereka dari segi ciri-ciri individu dan juga secara kelompok dalam konteks kepentingan negara hendaklah disusun rapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana usaha serta aktiviti-aktiviti pembelaannya terhadap kaum belia yang nampaknya tersusun rapi. Dalam Belanjawan ini, sebanyak \$249 juta diperuntukkan untuk mencmbrikan latihan kemahiran kepada kaum belia kita menerusi berbagai agensi Kerajaan termasuk Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, saya ingin mendapat tahu dari Kementerian Belia dan Sukan, benarkah dasar, strategi serta program pembelaan kaum belia di peringkat akar umbi benar-benar disusun rapi lagi berkesan kepada sasarannya. Saya amat

menyanjung tinggi segala latihan formal yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada golongan belia. Tetapi saya akan tetap mengatakan bahawa banyak lagi pembelaan yang harus diberikan kepada golongan belia selaras dengan Wawasan 2020, khususnya dari segi program pembinaan insan.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan demikian, kerana nampaknya Program-program Pembinaan Insan di peringkat akar umbi di kampung-kampung agak terbiar. Masalah ini amat ketara di kalangan belia, remaja yang baru sahaja meninggalkan bangku persekolahan. Oleh kerana kewujudan pertumbuhan-pertumbuhan dan persatuan belia bukannya satu-satunya yang mandatory di setiap pelusuk kampung, maka terdapatlah ramai golongan remaja yang terbiar tanpa sebarang bimbingan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Sedikit sahaja lagi. Kebeliean mereka di kampung-kampung adalah terbiar dan justeru itu, saya berharap Menteri dan Kementerian berkenaan akan bertanggungjawab penuh dan semua Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab melaksanakan projek-projek mereka mengikut masa yang diberi dan untuk melaksanakan. Dengan kata-kata itu saya menyokong Belanjawan 1992. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kinabalu.

5.41 ptg.

**Dr Osman Minudin (Kinabalu):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih, kerana

diberi peluang berucap untuk membahaskan Belanjawan 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Saya juga turut mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, kerana telah membentangkan satu siri Belanjawan negara yang begitu rapi dan secara amnya menepati kehendak dan cita-cita rakyat.

Saya berkeyakinan penuh bahawa pihak Kerajaan memang benar-benar ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju, banyak yang bersatu-padu selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa untuk mencapainya matlamat Wawasan 2020 negara, semangat toleransi dan hormat menghormati haruslah wujud di antara masyarakat majmuk di negara kita Malaysia. Semangat seperti itu hanya boleh wujud sekiranya pemimpin-pemimpin parti politik tidak memperalatkan agama dan bangsa untuk menarik penyokong-penyokong mereka. Oleh itu saya dan tentunya kita semua berharap agar para pemimpin politik tidak lagi memperalatkan sentimen agama dan perkauman untuk mencapai cita-cita politik. Kerana unsur-unsur yang sensitif seperti ini hanya membawa kepada perpecahan dan bukannya satu perjuangan yang murni dalam erti kata sebenarnya. Dua pemimpin utama negara kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya telah membuat kenyataan menolak penggunaan taktik keagamaan dan perbezaan bangsa untuk memancing sokongan rakyat. Saya percaya, kenyataan-kenyataan mereka itu yang telah tersebar luas kepada segenap lapisan masyarakat menerusi media massa adalah benar-benar jujur dan akan menjadi satu garis panduan kepada para pemimpin negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, konsep Wawasan 2020 memerlukan tumpuan sepenuhnya kepada pembangunan negara dari segala aspek. Maka saya percaya bahawa atas sebab inilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menckankan perpaduan dan menjauhkan politik yang berbau perkauman dan agama. Ketiadaan perpaduan pasti akan membantut segala usaha kemajuan dan menghindarkan pembangunan. Maka politik perkauman dan memperalatkan agama untuk memancing undi atau menarik penyokong-penyokong parti tidak mempunyai tempat dalam pentadbiran negara kita Malaysia, terutama sekali pada masa-masa kita bersama maju untuk mencapai Wawasan 2020 kita.

Dalam aspek yang lain, konsep keutuhan perpaduan dan pembangunan haruslah diberi penekanan yang sama, pelaksanaan pembangunan haruslah juga dilihat dari segi pembangunan negara Malaysia sebagai satu unit, sebagaimana Wawasan 2020 itu direka bagi keseluruhan negara Malaysia dan bukan setakat sesuatu negeri atau bangsa sahaja. Tanpa kemajuan semua negeri dan rakyat Malaysia secara menyeluruh, maka pasti kita tidak mencapai apa yang terkandung dalam Wawasan 2020 itu. Dalam hal ini, saya menyeru agar pelaksanaan pembangunan negara haruslah dilaksanakan dengan mengambil kira semua negeri di Malaysia termasuk Sabah. Hanya dengan cara ini Malaysia akan dapat mengorak langkah untuk maju ke hadapan dengan lebih kukuh dan berani untuk menuju ke arah Wawasan 2020. Ketiadaan perpaduan akan membantut segala pelaksanaan pembangunan dan menghalang kemajuan pembangunan.

Justeru itu, saya berharap agar setiap perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan negara, negeri Sabah akan mendapat agihan yang saksama dan tidak dibezakan dengan negeri-negeri lain di Malaysia, walaupun ia ditadbir oleh Kerajaan Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya tegaskan pada permulaan ucapan saya, secara amnya saya menyokong penuh Belanjawan Negara yang telah dibentangkan itu. Walau bagaimanapun, saya ragu akan kesan akibat dari pengwujudan cukai perkhidmatan sebanyak 5% yang dikenakan kepada seseorang yang menerima rawatan perubatan di pusat-pusat perubatan swasta atau klinik-klinik persendirian. Keraguan saya ini timbul kerana memikirkan bahawa masih wujud ketidak seimbangan antara taraf hidup, keperluan rawatan dan kemudahan perubatan di beberapa kawasan di negara kita. Ini ternyata sekali jika dilihat tahap pembangunan perubatan di negeri Sabah, yang masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysid secara amnya. Kemudahan hospital-hospital Kerajaan di negeri Sabah dari segi kuantiti dan kualitinya begitu terhad dan masih tidak mampu menampung keperluan khidmat rawatan penduduknya, kerana kemudahan hospital Kerajaan yang terbatas, sebahagian daripada para pesakit terpaksa mendapatkan khidmat rawatan di klinik-klinik swasta. Keadaan seperti ini dan ditambah pula dengan memperkenalkan cukai 5% kepada khidmat rawatan klinik persendirian, maka ia menjadi beban kepada penduduk terutama mereka yang berpendapatan rendah. Kita harus faham, khidmat rawatan itu adalah suatu perkara yang mesti bagi seseorang yang sakit dan bukanlah sebagai suatu kemewahan. Untuk pengclahuan Kerajaan Pusat, Hospital Daerah Ranau yang telah dibina berpuluh-puluh tahun yang lalu, tidak lagi dapat mengimbangi keperluan khidmat perubatan para penduduknya yang meningkat dari masa ke semasa.

Oleh itu, saya selaku Wakil kawasan ini merayu pihak Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan supaya mengambil langkah-langkah wajar demi meningkatkan taraf kesihatan rakyat di daerah itu. Sudah sampai

masanya untuk membina sebuah lagi hospital di daerah Ranau, atau memperbesarkan hospital yang ada di samping menambahkan kemudahan-kemudahan peralatan dan kalutangan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan ini saya berharap pihak Kerajaan Pusat akan menimbangkan kembali petaksanaan cakai perkhidmatan perubatan 5% itu sehinggalah negeri Sabah benar-benar mendapat kemudahan hospital Kerajaan yang mencukupi. Saya juga memohon agar rayuan terhadap pembinaan sebuah lagi hospital atau menambah kemudahan yang sedia ada di daerah Ranau diberi perhatian sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengulas beberapa perkara yang berkaitan dengan sektor pendidikan kerana saya yakin kesihatan dan pendidikan adalah aspek paling penting untuk membina serumpun masyarakat yang benar-benar menuju ke arah Wawasan 2020. Kita sering berhujah bahawa kecekalan dan berusaha gigih adalah asas kecemerlangan pendidikan, namun begitu kecekalan dan usaha haruslah disokong dengan kemudahan material demi mencapai matlamat yang lebih tinggi. Saya percaya anak-anak pribumi di daerah saya mempunyai minat dan cita-cita yang tinggi di dalam pelajaran. Ini terbukti dengan berlambahnya kemasukan pelajar rendah dan menengah setiap tahun, malangnya kemudahan sistem pendidikan di daerah ini juga amat terbatas dan seolah-olah tidak seiring dengan perkembangan dan peningkatan kesedaran pendidikan di kalangan masyarakat lempatan. Jumlah sekolah-skolahnya, terutama sekolah menengah tidak mencukupi untuk menampung bilangan pelajarannya. Ini menimbulkan masalah sehingga terjadi suasana pinjam-meminjam bangunan sekolah, terutama sekali sekolah menengah. Keadaan ini pula secara langsung akan mengganggu ketancaran

sistem pendidikan dan boleh membantut mmat pelajar. Olch itu, saya juga merayu agar pembinaan bangunan-bangunan sekolah menengah di Bundu Tuhan, di Timboa dan Melinsau di daerah ini dapat dilaksanakan dengan seberapa yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah bukan sahaja kaya dengan kayu balaknya, tetapi ia juga kaya dengan bahan-bahan gatian, termasuk tnyak. Tetapi malangnya, rakyatnya masih lagi ramai yang miskin di negeri Sabah yang kita anggap sebagai salah satu negeri yang kaya di negara kita. Oleh itu, saya menyeru kepada pihak PETRONAS yang mengendalikan perusahaan minyak itu supaya dapat memberi bantuan untuk pembangunan sosial di daerah atau di negeri-negeri yang mengeluarkan minyak ini, terutama sekali di Sabah, dalam pembangunan sekolah khususnya di luar-luar bandar dan juga jalan-jalan raya di luar bandar mahupun klinik-klinik. Seruan ataupun rayuan saya ini adalah selaras dengan rayuan Yang Berhormat dari Tuaran supaya negeri-negeri yang mengeluarkan minyak ini diberi bantuan khas daripada pihak PETRONAS untuk pembangunan sosial di negeri-negeri ini.

Saya juga ingin menarik perhatian terhadap peluang-peluang masa depan anak-anak pribumi di sini, terutamanya dalam bidang perguruan, Saya yakin ramai anak-anak Sabah yang berkelayakan dari segi akademik dan kepimpinan untuk memasuki bidang pendidikan, khususnya sebagai guru. Namun, nampaknya dalam beberapa hal, peluang mereka sering tersekat dan seperti wujud ketidakadilan di dalam pemilihan. Ini bukanlah satu prasangka buruk, tetapi satu ingatan agar pemberian peluang kepada anak-anak Sabah untuk sama-sama membuktikan kesungguhan mreka memikul tanggungjawab sebagai pendidik anak-anak bangsa.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan harapan agar pihak Kerajaan akan memberi perhatian sewajarnya terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan tadi. Dengan itu, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tebrau.

**Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya):** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berdiri di sini beberapa kali.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, sama juga dengan Ahli-ahli yang lain. Selepas Tebrau, saya beri ya. Tebrau.

5.55 *ptg.*

**Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1hb November, 1991.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawainya kerana membawa Belanjawan yang memberi keyakinan kepada rakyat apabila memasuki tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara akan menuju ke arah peningkatan dan kecemerlangan di bidang perindustrian, maka Dasar Perindustrian Negara perlulah di-intepretasikan secara jelas melalui garis panduan yang terperinci dan pcraturan-peraturan supaya mudah

difahami oleh pegawai-pegawai perancangan dan pelaksanaan. Garispanduan itu perlu memberi penekanan kepada perkara-perkara seperti mengutamakan industri-industri yang menggunakan bahan-bahan mentah dan komponen-komponen tempatan. Jika sekiranya bahan mentah dan komponen diperolehi dari pengusaha tempatan, ini dapat mengelakkan persaingan dari pengeluar-pengeluar asing yang sememangnya sentiasa mencari peluang memasarkan keluaran mereka di negara ini. Kerajaan perlu memastikan hanya bentuk industri yang sesuai dengan keadaan tempatan perlu diluluskan. Ini adalah kerana kita tidak mahu negara ini dibanjiri dengan terlalu banyak jenis industri, terutamanya jenis perusahaan yang ada risiko merbahaya.

Perkara ini perlu diberi perhalian kerana kita harus mengutamakan faktor keselamatan buruh tempatan terlebih dahulu dari mengejar keuntungan. Keutamaan hendaklah diberikan kepada industri yang membuat barangan complete process, dengan izin, dan bukan untuk kilang yang hanya membuat sebahagian kecil proses atau komponen dan kemudian menghantar balik ke negeri asal mereka. Dalam kes seperti ini rakyat tempatan tidak dapat mempelajari apa-apa pengalaman kerana hanya tahu membuat sebahagian kecil dari keseluruhan proses pembuatan sesuatu barangan. Pastikan ada pemindahan teknologi kepada rakyat tempatan mengikut fasai-fasai tertentu. Suatu usaha secara bersepadu dan efektif mestilah dibuat dalam teknologi dengan para pelabur dalam tempoh masa yang ditetapkan. Mtlikan ekuiti rakyat tempatan hendaklah diseimbangkan dengan sewajarnya. Milikan 70% ke atas ekuiti oleh rakyat asing tidak harus digalakkan.

Misalnya, di kawasan Pasir Gudang, Tebrau pada masa ini banyak kilang-kilang yang tidak mempunyai ekuiti

rakyat tempatan dan sebahagiannya pula hanya memperumukkan 1% ekuiti tempatan. Pncmpatan kawasan-kawasan perindustrian mestilah diselaraskan dengan Pelan Perancangan Penempatan Penduduk. Jika kita perhatikan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian di negara ini, adalah tidak selaras dan seimbang dengan penempatan penduduk di mana akibatnya tumbuh fenomena kawasan perumahan setinggian secara besar-besaran di kawasan-kawasan perindustrian. Di kawasan Tebrau misalnya, telah tumbuh 40 kampung setinggian dengan lebih kurang 50,000 penduduk dan bertambah setiap hari dengan kepesatan pembangunan industri di Pasir Gudang. Sehubungan dengan pertumbuhan rumah setinggian begitu banyak dewasa ini seperti cendawan tumbuh selepas hujan, maka akan timbul berbagai masalah, seperti masalah ekonomi, sosial dan politik yang timbul dan mendesak yang perlu diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan rancangan untuk menjadikan sektor perindustrian sebagai sektor utama dalam pembangunan negara, saya sedar adakalanya tanah kepunyaan orang-orang kampung akan diambilalih. Oleh itu, dalam hal ini, Kerajaan perlulah memikirkan kepentingan hak-hak mereka yang kehilangan tanah dan rumah, seperti memberi peluang kepada penduduk asal atau setempat agar mendapat faedah secara yang lebih bermakna hasil dari pembangunan pesat perindustrian di tempat mereka. Memberikan bayaran pampasan yang sewajarnya dan mencukupi. Jika penempatan semula dilakukan, perlu pastikan kawasan penempatan semula lebih baik dan tebih bermutu dari tempat tinggal yang asal. Kerajaan boleh juga memikirkan cara-cara lain, seperti dengan membentuk satu konsortium atau badan amanah yang mengendalikan tanah-tanah orang kampung dan berkongsi dengan para pelabur. Tanah-tanah disertakan

kepada konsortium yang akan menjalankan perkongsian perniagaan dengan pemodal. Kesannya, pemilik asal tanah akan mendapat saham keuntungan yang berterusan dari projek pembangunan di atas tanah mereka.

Kerajaan perlu memastikan lebih banyak rumah-rumah kos rendah dan sederhana dibina untuk menampung penghijrahan ramai pekerja-pekerja ke kawasan-kawasan perindustrian. Konsep menyediakan rumah kediaman tempat tinggal secara berkelompok oleh pengusaha-pengusaha kilang atas daya usaha mereka dan Kerajaan perlu mengkaji dengan mendalam untuk mengatasi masalah tempat tinggal pekerja. Untuk memberi galakan kepada pengusaha-pengusaha kilang membina rumah-rumah untuk pekerja-pekerja, Kerajaan bolehlah memberi tax incentives atau capital allowance, dengan izin, yang sewajarnya.

Suatu masa akan lahir suatu kelas masyarakat industri yang mempunyai identiti tersendiri. Kerajaan harus berusaha daripada sekarang untuk melahirkan golongan ini sesuai dengan nilai-nilai murni, keagamaan, moral dan kebudayaan mulia.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai dan kakitangan Kerajaan merupakan sesuatu jentera yang penting untuk membantu menggerakkan supaya bidang perniagaan dan dasar penswastaan berjalan dengan lancar dan sempurna. Pegawai Kerajaan diberi peranan di antaranya menerima, memproses, menilat, menyiasat, melulus dan memperbaharui lesen-lesen permohonan permit dan mengumpul data serta mengkaji keberkesanan sesuatu program atau aktiviti, menjalankan kuatkuasa undang-undang atau Akta-akta yang bertujuan untuk memastikan supaya pemohon mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan.

Dalam konteks ini terdapat banyak rungutan oleh orang awam mengenai kemampuan dan kecekapan pegawai-pegawai Kerajaan dalam membekirkan perkhidmatan yang cemerlang, cekap, bersih dan amanah sesuai dengan hasrat Kerajaan melahirkan golongan usahawan. Masalah yang biasa menjadi rungutan pada umumnya adalah seperti pemerosesan dan kelulusan mengambil masa terlalu lama; terlalu banyak red-tape pentadbiran; prosedur dan peraturan yang kurang sesuai dengan dunia perniagaan moden; syarat-syarat yang tidak munasabah; maklumat yang sama diperlukan berulang-ulang kali dan seterusnya.

Oleh itu adalah dicadangkan supaya setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan perlu dilatih dan didedahkan secara menyeluruh dan berterusan mengenai bidang perniagaan dan dasar perniagaan dan penswastaan supaya tidak lewat-lewatkan, membantut dan menghalang pelaksanaan projek-projek tertentu. Setiap pegawai mestilah diorientasikan sesuai dengan bidang perniagaan. Setiap jabatan perlu mewujudkan sistem pengumpulan maklumat yang lengkap, cekap dan kemaskini serta berupaya menjadi sumber pemberi maklumat terpenting kepada pelanggan.

Jabatan Kerajaan harus diorientasikan bahawa mereka juga perlu berfungsi sebagai ahli perniagaan yang berjaya. Mereka menjual perkhidmatan dan pelanggan membelinya. Prinsip pegawai Kerajaan menunjuk dan menggunakan kuasa, sementara orang ramai sebagai terpaksa ikut perintah tidak sesuai dengan dasar perniagaan moden. Kedua-dua pihak pegawai Kerajaan dan orang awam haruslah dapat menikmati persefahaman bahawa mereka berhubung sebagai seorang penjual dan pembeli perkhidmatan.

Cadangan diwujudkan juga one-stop agency, dengan izin, untuk sektor atau aktiviti tertentu adalah penting

disegerakan supaya agensi itu dapat memberikan maklumat selain daripada meluluskan secara pakej beberapa lesen tertentu sekali gus untuk menjimatkan masa.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Petaling Jaya.

*6.04ptg.*

**Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya):** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang mengetahui mengenai keadaan ekonomi yang sebenar di Malaysia ini akan mendapati bahawa beliau telah gagal untuk menyampaikan Belanjawan tahun 1992 berkaitan tentang masalah-masalah kritikal yang dihadapi oleh negara pada ketika ini. Amaranya ialah:

- (i) keadaan deficit yang semakin serius dalamimbangan pembayaran di akaun semasa dan perkhidmatan;
- (ii) kadar inflasi yang semakin menumbuh dan membebaskan komuniti kurang berkemampuan serta miskin;
- (iii) insensitif bagi perusahaan kecil dan sederhana serta pengawalan pencemaran;
- (iv) kurang tanggungjawab sosial dari agensi-agensi penswastan; dan
- (v) kadar kehidupan yang menurun serta rasa ketidakselamatan mereka yang kurang berkemampuan di dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Ekonomi 1991/1992, deficit akaun semasa dijangka jauh lebih

tinggi daripada deficit \$1. 8 bilion yang dialami pada 1991, iaitu menjadi \$13. 6 bilion ataupun sama dengan 10% daripada Keluaran Negara Kasar 1992. Dan semasa deficit perkhidmatan dijangka berada di \$10. 2 bilion pada 1992, akaun semasa pula dianggar akan merekodkan deficit untuk satu tahun lagi.

Belanjawan 1992 telah gagal untuk menyampaikan dirinya kepada krisis yang menumbuh di dalam ekonomi kita yang mana terus bergantung ke atas pelaburan asing yang tidak dikawal. Sebahagian besar deficit ini merupakan pendapatan pelaburan ataupun pemulangan keuntungan syarikat-syarikat multi-national. Dengan wujudnya pergantungan yang kuat ke atas kumpulan wang asing ini, makin haruslah dikaji tentang cakap-cakap besar Kerajaan BN berkenaan dengan pengaliran masuk yang sangat banyak daripada pelabur-pelabur asing.

Jikalau kita tidak bersikap memilih tentang jenis pelaburan yang datang daripada luar negeri, kita akan menggadaikan kekayaan kita kepada syarikat-syarikat multi-national ini tidak lama lagi dan apabila kemerosotan ekonomi di dalatn negara-negara industri terkena kepada kita, maka kita akan sekali lagi menjadi tidak berdaya.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran perkhidmatan hutang kita adalah 18. 6% dan perkhidmatan hutang merupakan komponen kedua besar di dalam perbelanjaan operasi iaitu 25% daripada jumlah perbelanjaan operasi. Ini terutamanya merupakan perkhidmatan hutang bagi industri-industri berat, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Perwaja Terengganu.

Di sini maka sekali lagi kesan yang merugikan dan bodoh oleh Kerajaan BN mengadu nasib di dalam industri berat secara tidak matang menjadi jelas. Perusahaan Awam Bukan Kewangan atau Non-Financial Public

Enterprises terus melemahkan ekonomi kita. Badan-badan berkanun mengambil bahagian yang besar daripada tabung kewangan Kerajaan pada 1991, iaitu sebanyak \$1.8 bilion.

Pengagihan Belanjawan 1992 mencerminkan prioriti melendut ataupun warped priority Kerajaan BN. Apabila sektor sekuriti menerima sebanyak \$4.5 bilion, pertambahan sebanyak 8.2% berbanding dengan tahun 1991, sektor perkhidmatan sosial pula hanya diagihkan sebanyak \$2.9 bilion. Walhal Kememciran Pertahanan mendapat \$2.75 bilion, pendidikan pula hanya mendapat \$1.4 bilion dan perkhidmatan kesihatan hanya sebanyak \$689 juta. Berbanding dengan tahun 1991, Kementerian Pertahanan mendapat pertambahan sebanyak 13.2%.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan BN mcsti menanggung tanggungjawab yang scpenuhnya bagi masalah serius tentang inflasi yang dihadapi oleh negara ini. Indeks harga pengguna kita telah naik dari 3.1% di tahun 1990 kepada 5% pada masa kini, manakala harga konsumer di semua negara-negara industri pula hanya naik 3.8% sahaja.

Setiap harga barang di bawah indeks harga pengguna telahpun naik. Arak dan tembakau yang bolch dianggap sebagai staple kelas pekerja bukan Muslim telah merekodkan kenaikan yang paling tinggi, iaitu kenaikan scbanyak 8.6% berbanding dengan kenaikan hanya sebanyak 2.5% pada tahun 1990.

Sekali lagi Menteri Kewangan telah menaikkan cukai barang-barang ini. Adalah sesuatu yang mcnghairankan sekiranya ia ber-maksud untuk menghalang rakyat Malaysia menceburi tabiat jahat ini. Maka, mengapakah kejahatan berjudi tidak pula dikenakan cukai? Adakah ini disebabkan BN

bergantung ke atas keuntungan judi bagi mendapatkan tabung pilihanraya mereka?

Tuan Yang di-Pertua, lewat-lewat ini, Kementerian Kewangan pula mimpikan cara-cara baru untuk mengutip bayaran daripada rakyat bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang selama ini dijangka sebagai percuma, misalnya borang-borang rasmi serta lain-lain prkhidmatan Kerajaan seperti perpustakaan awam dan jabatan perkhidmatan Kerajaan lain. Ini bukan sahaja akan mcnambahkan tekanan inflasi, malah ia adalah amat memalukan kerana seseorang akan mengharapkan lebih banyak perkhidmatan sektor awam yang percuma atau murah, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Apa yang dahulunya adalah percuma kini pula dibayar untuk mendapatkannya. Dalatn kes-kes sedemikian, mungkin adalah lebih baik bagi orang ramai sekiranya negara ini adalah kurang maju. Di bawah pemerintahan BN ini, seseorang akan merasa gemenlar apabila lerfikirkan tahun 2020 nanti.

Kita juga terdengar bahawa harga roti serta lain-lain makanan keperluan adalah tinggi sehingga tidak masuk akal dan bahawa harga tiket keretapi telah naik, harga tiket bas akan naik dan STM yang merupakan pengaut keuntungan monopoli juga hendak menaikkan harga bayaran telefon.

Tuan Yang di-Pertua, apakah gunanya apabila Perdana Menteri menyeru sektor swasta jangan mengambil peluang untuk menaikkan harga apabila Menteri Telekomunikasi sendiri telah mengizinkan STM untuk berbuat demikian? Ini langsung tidak wajar apabila Menteri sendiri telah mendedahkan pada bulan Ogos yang lepas bahawa STM, satu natural monopoly, dengan izin, yang paling bertuah telah memperolehi keuntungan sebanyak \$50 juta dalam jangkamasa 6

bulan pertama tahun ini. Jumlah ini sebesar apa yang diperolehinya dalam tahun 1990.

Tindakan STM seharusnya menyebabkan Kerajaan mempertimbangkan semula penswastan monopoli sedemikian. Tetapi mengapa pula ia harus berbuat demikian, sedangkan syarikat-syarikat swasta seperti STM mempunyai kawan-kawan dan pelabur-pelabur yang berada di tempattempat tinggi.

Menteri Kewangan menyebut tentang hendak memperkuatkan lagi ekonomi tetapi kita tidak nampak sebarang kesediaan yang kuat terhadap perusahaan kecil dan sederhana, iaitu asas dalam sektor industri kita. Menerusi hubungannya dengan sektor pertanian, sektor ini merupakan papan lompat bagi strategi perindustrian kita. Tetapi Kerajaan BN pula lebih menaruh tumpuannya ke atas industri berat, yang lurus-menerus menambahkan masalah hutang negara kita.

Kabus yang menudungi langit seluruh negara ini untuk sekian masa, kini nampaknya telah menjadi suatu ciri yang tetap bagi bumi Malaysia kini. Memang kita mengharapkan bahawa Menteri Kewangan akan menyelesaikan masalah ini dengan lebih serius lagi, misalnya mengenakan cukai bersifat penghalang ke atas industri-industri yang mencemarkan serta menawarkan insentif kepada mereka yang lebih menjaga keadaan persekitaran. Bagaimanapun, BN nampaknya terlalu tertarik hati oleh keadaan pertumbuhan ekonomi yang tinggi daripada mengambil berat tentang kesihatan dan kesan-kesan persekitaran yang dibawa oleh industri-industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, sepatutnya cukai dikenakan ke atas syarikat-syarikat yang membina padang golf kerana bahan-bahan kimia yang digunakan untuk menjaga kehijauan rumput padang adalah

dipercayai suatu sumber pencemaran. 'The Malayan Nature Society', di mana keluarga saya merupakan ahlinya, dan saya di sini menyeru supaya semua Ahli Parlimen yang mengakukan dirinya cintakan negara ini harus memohon untuk menjadi ahlinya juga 'The Malayan Nature Society' telah berkata bahawa racun rumput dan serangga berkenaan akan mencemarkan parit dan sungai.

Orang Jepun telah tahu tentang ini, dan lain-lain negara telah menolak tawaran mereka. Hanya kita yang mudah tertipu. Syarikat-syarikat golf ini menggadaikan alam sekitar dan kesihatan kita untuk memperolehi keuntungan lumayan yang mereka terima daripada orang Jepun. Maka Kerajaan BN bukan sahaja tidak mengenakan cukai bersifat penghalang ke atas projek-projek golf ini, malah ia telah memberikan insentif bagi pembinaan lebih banyak padang golf.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan beliau, Menteri Kewangan telah membuat kenyataan beribadat seperti berikut: "Agensi-agensi yang telah diswastakan harus membimbing sektor korporat dalam segi tanggungjawab sosial."

Apabila kita melihat apa yang berlaku kepada mereka yang diserang oleh sebatan penswastan, maka kita akan faham bahawa ini memang merupakan hajat yang beribadat sekali. Apabila kita memerhatikan penswastan pada peringkat dasarnya kita akan nampak bukti-bukti nyata tentang penyalahgunaan kuasa, ketiadaan akauntabiliti dan kelalaian tanggungjawab sosial.

Dalam Jawatankuasa Penswastan Majlis Perbadanan Petaling Jaya urupamanya, kita boleh perhatikan bahawa Ahli-ahli Majlis MPPJ yang mempunyai kepentingan diri berada di dalam jawatankuasa ini, termasuk calon MCA untuk PJ dalam Pilihanraya Umum yang lalu yang lelah

diisytiharkan sebagai muflis dan menghadapi serangkaian laporan Polis dalam kes-kes pecah amanah. Bagaimanakah orang yang berkelakuan sedemikian layak memasuki Jawatankuasa Penswastaaan dan mengambil keputusan ke atas projek berjuta-juta ringgit yang mana tender secara terbuka tidak diadakan? Tetapi inilah BN. Inilah pemimpin-pemimpin MCA untuk anda. Jika Presiden MCA sendiri boleh dipenjarakan kerana jenayah pecah amanah, apakah yang bolch kita harapkan daripada pemimpin-pemimpin MCA yang lebih rendah?

Tuan Yang di-Pertua, kesan penswastaaan BN malah lebih membinasakan.....

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Petaling Jaya, ada Yang Berhormat bangun.

**Dr Kua Kia Soong:** Tidak ada masa, sorry. Dengan izin, I don't entertain. any privilege interjection, thank you.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, jangan ganggu.

**Dr Kua Kia Soong:** Kesan penswastaaan BN malah lebih membinasakan kepada rakyat yang dihalau keluar dari tanah mereka dengan sewenang-wenangnya kerana tanah tersebut telah dibeli oleh pemaju. Di seluruh negara, kita sedang menyaksikan babak-babak kenangan ataupun enclosure movement, yang berlaku dalam abad ke-19 di England dan 'The Grapes of Wrath' oleh John Steinbeck di Amerika Syarikat.

Mangsa-mangsa tersebut termasuklah Orang Asli, peniaga kecil Cina, pekerja India di estet, penghuni Melayu di bandar, termasuk penyokong-

penyokong UMNO tradisi. Rakyat Malaysta di Petaling Jaya, Estet Sungai Rasa Shah Alam, Kampung Pandan, Bumi Hijau, Kampung Kerinci, Kampung Sentosa, Bukit Sungai Putih sedang diusir dari tanah mereka dan menjadi pelarian di tanah air mereka sendiri seperti di Afrika Selatan, ataupun dalam kata Dr Mohd. ....

**Wan Mohd. HanaCiah bin Wan Mohd. Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sebentar, point of order.

**Wan Mohd. Hanafiah bin Wan Mohd. Saman:** 35(1).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, apa dia?

**Wan Mohd. HanaHah bin Wan Mohd. Saman:** Seseorang Ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya. Dia membaca, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah hampir habis.

**Dr Kua Kia Soong:** Itulah privilege interjection yang saya katakan. Ataupun dalam kata Dr Mohd. Nasir Hashim, 'refugees in our own homeland'.

Di bawah DEB peneroka-peneroka bandar ini adalah digalakkan datang ke Bandaraya. Mereka diberi pengiktirafan, termasuk bekalan air, elektrik dan lain-lain lagi kemudahan. Tetapi sekarang ini apabila tanah tersebut dibeli oleh pemaju-pemaju swasta, peneroka-peneroka bandar kita telah diusir dengan kasar oleh pemaju-pemaju, pegawai petugas Dewan Bandaraya dan pihak Polis. Setengah pemaju mengupah samseng untuk

menakut-nakutkan para penghuni, seperti yang berlaku di Sungai Rasa dan Kampung Pandan. Dalam serbuan-serbuan tersebut, rumah mereka telahpun dipecah dan harta benda mereka juga dirosakkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dr Kua Kia Soong:** Okay, saya gulung. Mereka yang cuba mempertahankan rumah mereka telah ditangkap seperti yang kita saksikan di Kampung Sentosa apabila Dr Mohd. Nasir Hashim dan lain-lain penduduk-penduduk di sana telah ditangkap. Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nampaknya penghabisan satu Ahli sahaja. Tanjong Karang.

6.77 ptg.

**Tuan Saidin bin Adam (Tanjong Karang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah dapat mendengar rakan-rakan kita di Dewan yang mulia ini bercakap sebentar tadi, saya turut bangun mengambil peluang ini bagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan pada 1hb November yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang begini ringkas dan singkat, saya ingin menyampaikan cita rasa untuk kita semua. Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan yang diberikan kepada saya petang ini, saya ingin memutar pula selingkar kisah perjuangan seorang insan kerdil yang ramai mengenalnya sebagai "Pak Sako" "Pak Pandir Moden", "Anuar Hantu Raya" dan "Isa Kosan". Sewaktu negara dan bangsa berada di bawah telunjuk penjajahan, insan kerdil ini adalah cetusan idea, penyemarak semangat membangkitkan bangsa

untuk berjuang menentang ketuanan Inggeris. Kata-katanya bukan hanya tercatat dalam lembaran-lembaran kertas akhbar, tetapi terus terpahat dalam jantung hati dan bangsa. Terkesan oleh saya penulisannya yang kemas dan sinis, bangkitlah semangat kebangsaan orang-orang Melayu. Maka amat bertepatanlah bila insan kerdil ini mendapat gelaran "Pelopor Kemerdekaan Tanahair". Sudah tidak asing lagi dan semua orang tahu bahawa insan kerdil yang saya maksud ini tidak lain ialah Allahyarham Dr Ishak Haji Mohamad. Allahyarham telah kembali kerahmatullah pada 7 November yang lalu kerana sakit tua, setelah sejak Julai tahun ini, menderita, lumpuh sebelah badan. Perginya insan berjasa ini tanpa meninggalkan harta bertimbun, meskipun pada pengamatan dan penglihatan kita yang bukan kaum penulis selalu benar kita baca tulisan-tulisan Allahyarham di dada akhbar. Novel yang digarapnya yang merupakan cetusan rasa, pertentangan orang Melayu terhadap penjajah Inggeris yang berjudul 'Putera Gunung Tahan' yang dikeluarkan dalam tahun 1937 dan 'Anak Mat Lela Gila' yang dikeluarkan pada tahun 1941 ternyata tidak menjadikan insan ini kaya-raya, malahan sewaktu menghembuskan nafas yang terakhir khabarnya bil perubatan Allahyarham di Hospital Tawakal berjumlah \$6,000 masih belum dijelaskan dan Alhamdulillah pada ketika ini, bayaran ini telahpun dijelaskan oleh keluarga Allahyarham.

Allahyarham adalah tokoh sasterawan yang memimpin gerakan pemodenan pemikiran orang Melayu, malangnya Allahyarham yang juga seorang ahli politik gagal muncul sebagai tokoh yang berkuasa. Kejayaannya hanya pada tulisan-tulisannya yang berkuasa membentuk bangsa menjadi bangsa yang kuat dan mendorong untuk memerdekakan diri, tetapi apalah ada pada tokoh besar ini, yang semasa hayatnya tidak pernah mementingkan diri sendiri.

Pada zaman Inggeris, Allahyarham pernah menjadi Majistret dan Penolong Pegawai Daerah. Jawatan ini yang ada pada masa itu dapat menjamin kesenangan dan kemewahan hidup itu pun ditinggalkannya kerana jiwanya yang tidak bersetuju dengan penjajah. Maka selepas meninggalkan kesenangan itu jadilah ia pula sebagai wartawan, dan dengan tulisannya bangkit bersemarak semangat bangsa untuk menghalau penjajah. Beliau telah pergi dalam sejarah tanahair. Nama Dato' Dr Ishak Haji Mohamad tetap tercatat sebagai tokoh besar, bakti yang ditinggalkannya merupakan harta yang tidak ternilai oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, seorang tokoh besar telahpun pergi meninggalkan sebuah bangsa Malaysia yang besar. Apakah tidak tergerak kepada bangsa Malaysia yang besar ini untuk mengenang jasa pejuangnya, sebab saya yakin kepada kebenaran kata-kata sasterawan negara Dato' Dr Usman Awang bahawa bangsa yang besar adalah bangsa yang mengenang jasa perjuangannya.

Saya berharap nama Dato' Dr Ishak Haji Mohamad ini akan terus kekal dalam ingatan, barangkali salah sebuah daripada Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negara ini boleh mengabadikan nama ini pada Dewan atau Kolej universiti atau apa-apapun seumpamanya supaya harus budi nama jasa ini tidak lekang di bibir kita. Amatlah malang sekali kerana seolah-olah telah menjadi kebiasaan pula bagi bangsa kita untuk membangkitkan semula jasa bakti perjuangan selepas seorang tokoh hilang ditelan perut bumi. Lihatlah apa yang telah menimpa nasib seniman agong Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Sesudah lama tneninggal dunia barulah kedengaran royaltinya berjuta-juta ringgit. Lihat pula kisah duka sasterawan negara A. Samad Said yang pernah melancarkan mogok seni kerana

tidak mendapat pembelaan, hendak mendapat royalti daripada hasil penulisan sendiripun susah, barangkali ini belum termasuk hasil tulisan yang "dikapur" terus oleh penerbit.

Saya membawakan kisah Allahyarham Pak Sako dengan tujuan agar Kerajaan kita dan pihak yang berkenaan akan merasa terhutang budi dapat memikirkan bentuk penghargaan yang sewajarnya diberikan kepada Allahyarham di samping ingin pula saya menekankan, janganlah kita menjadi kebiasaan untuk memberi penghargaan kepada insan pejuang selepas insan itu menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Kerajaan dan pihak-pihak tertentu yang berkepentinganpandang dan berilah penghargaan kepadaseorang tokoh yang sering diperah keringatnya semasa tokoh itu masih hidup, supaya dapat tokoh tertentu itu menikmati hasil perjuangannya. Contohnya, apalah salahnya memberi lebih kemudahan kepada insan seperti A. Samad Said. Saya percaya Pak Samad ini pun kalau kita beri iebih wang, lebih royaltinya bukan diagunakan semua untuk perutnya, atau membangunkan sebuah mahligai yang besar, tetapi wang ini jugalah yang digunakannya untuk merantau ke seluruh negara dan ke negara-negara orang hinggakan dengarnya pernah sampai ke Afrika semata-mata untuk mendapatkan pengalaman dan pengetahuan yang kemudian pncalaman dan pengetahuan itu dikongsi bersama kita melalui tulisan-tulisannya.

Sebelum saya mengakhiri kisah Allahyarham Pak Sako dan para sahabat seperjuangannya sukalah pula saya mengungkapkan apa yang selalu saya fikir iaitu apalah maknanya kalau badan bergelar pejuang negara dan sasterawan kalau nasib tidak lebih hanya seumpama peminta sedekah atau abdi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, ada lima minit lagi. Ada Ahli yang hendak berucap lima minit?

**Tuan Yirn Chee Chong:** Saya hendak beri ucapan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

6.25 *ptg.*

**Tuan Yim Chee Chong (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang mengizinkan saya turut membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 1992 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1.11.1991 yang lalu.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengemukakan Belanjawan tahun 1992 yang mendapat sambutan baik dari semua bangsa dalam negara kita ini dalam mana banyak pujian secara ikhlas telah dihimpunkan. Belanjawan tahun 1992 dalam mana telah memansuhkanduti harta-pesaka, mengurangkan duit stem pembelian rumah kos rendah, menurunkan cukai pembangunan dan cukai pendapatan koperasi serta menaikkan pelepasan cukai bagi orang-orang yang cacat.

Pada hemat saya, Belanjawan 1992 adalah Belanjawan Wawasan 2020 yang mempunyai mullamat yang membina ketahanan ekonomi negara kita untuk masa hadapan, dan juga melahirkan rakyat yang berdaya maju serta seimbang. Belanjawan 1992 ini merupakan satu langkah menuju ke arah Wawasan 2020 yang bertujuan

supaya negara kita akan jadi sebuah negara yang maju yang selaraf dengan negara-negara yang maju dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa Belanjawan 1992 ini adalah untuk kepentingan nusa dan bangsa, maka saya mohon menyokongnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 100 tahun dahulu Presiden Abraham Lincoln dari Amerika Syarikat telah mengatakan bahawa jikalau sesebuah negara itu adalah Kerajaan rakyat, oleh rakyat, dan untuk rakyat, maka negara itu tidak akan dilenyapkan di muka bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya negara kita hari ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dr Mahathir, negara kita ini merupakan sebuah negara yang Kerajaannya dipilih oleh rakyat, bermakna Kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Jadi saya yakin penuh Kerajaan kita ini di bawah pemerintahan Barisan Nasional, negara kita ini terus maju, makmur dan rakyatnya bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, Chin Peng seorang tokoh Parti Komunis Malaya yang dalam perjuangannya selama lebih dari 40 tahun, beliau ingin menegakkan sebuah negara komunis di negara kita ini, akan tetapi Chin Peng terharu terhadap Sistem Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di negara kita ini....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Tuan Yim Chee Chong:** Masa sudah cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ucapan cukup bersemangat tetapi masa sudah cukup.

**Tuan Yim Chee Chong:** Bolehkah saya sambung pada hari Isnin, Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak isu-isu yang saya belum sebut lagi setakat ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ucapan cukup bernas, tetapi masa sudah cukup.

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya hendak beri balasan kepada Ahli Yang Berhormat dari DAP belum sempat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sudah cukup masa.

**Tuan Yim Chee Chong:** Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang mengatakan, kalau tidak silap saya dia

mengatakan 'Seremban memenangi secara tektik yang kotor'. Jadi saya hendak beri jawapan tetapi tidak sempat.

**Seorang Ahli:** DAP tidak guna!

**Tuan Yim Chee Chong:** DAP tidak guna. (*Tepuk*) Betul juga pada hemat saya, bohong sahaja selama ini.

Sekianlah sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga 25hb November, 1991 jam 2. 30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*